



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(KELANTAN)**

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
ENCIK TAHIR BIN ALI,
PENYANYI VETERAN MALAYSIA
MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI SEORANG PENYANYI

NOR HAFIZZAH BINTI MOHAMED RAZALI
(2020899924)

NURIZAZI BINTI MOHD ROSLI
(2020899526)

SEMESTER SEPTEMBER 2021 – JANUARI 2022

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
ENCIK TAHIR BIN ALI,
PENYANYI VETERAN MALAYSIA
MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI SEORANG PENYANYI

NOR HAFIZZAH BINTI MOHAMED RAZALI

(2020899924)

NURIZAZI BINTI MOHD ROSLI

(2020899526)

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER SEPTEMBER 2021 – JANUARI 2022

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

	Isi Kandungan	M/S
Roman	Abstrak	vi
Numerals	Penghargaan	viii
	Senarai Abreviasi	x
	Senarai Singkatan	xii
	Rujukan Kata	xiv-xv
1.0	Biodata Penemubual	
	1.1 Penemubual Pertama	2
	1.2 Penemubual Kedua	3
2.0	Biodata Tokoh	
	2.1 Biodata Tokoh	5
	2.2 Pengenalan Kepada Tokoh	6
3.0	Sejarah Lisan	
	3.1 Pengenalan	8
	3.2 Objektif Sejarah Lisan	8
	3.3 Kepentingan Sejarah Lisan	9
4.0	Kajian Literatur	
	4.1 Topik 1	11
	4.2 Topik 2	12
5.0	Transkrip Temubual Bersama Tokoh	14-51
6.0	Log Temubual	52-55
7.0	Ralat	56
8.0	Glosari	57-62
9.0	Indeks	63-65
10.0	Bibliografi	66-67
11.0	Lampiran	
	11.1 Surat Perjanjian	69
	11.2 Senarai Soalan	70-76
	11.3 Diari Penyelidikan	77-79
	11.4 Gambar, sijil-sijil dan bahan lain yang berkaitan	80-87

ABSTRAK

ABSTRAK

Temubual ini dilakukan bersama penyanyi veteran Tahir Ali atau lebih dikenali sebagai Jatt Black Dog Bone. Tujuan temubual ini untuk mengetahui tentang perjalanan kerjaya beliau sepanjang dalam industri muzik tanah air. Temubual ini dilakukan secara atas talian menerusi Google Meet yang dilakukan pada 7 Januari pada jam 9:00 malam sehingga jam 11:00 malam. Karier beliau dalam bidang muzik buat pertama kalinya pada tahun 1973 setelah sebuah kumpulan muzik ditubuhkan pada tahun tersebut yang dinamai sebagai Black Dog Bone yang dianggotai sebanyak 6 orang dan beliau adalah vokalis utama kumpulan muzik tersebut. Sepanjang tempoh itu, kumpulan ini telah merakamkan sebanyak 7 album. Black Dog Bone dibubarkan pada 1981 sebelum kembali aktif seketika sehingga 1990-an. Setelah sekian lama akhirnya beliau tampil menjadi salah seorang peserta dalam program realiti Astro, Gegar Vaganza musim keenam pada tahun 2019. Sepanjang temubual tersebut diceritakan, pelbagai ujian dan cabaran telah dihadapi oleh Tahir Ali (Jatt) semasa berkhidmat sebagai penyanyi dalam Industri Muzik Malaysia. Sejarah kehidupan dan kerjaya beliau dapat dijadikan sumber inspirasi kepada semua orang.

Kata kunci: Tahir Ali, muzik, penyanyi, Black Dog Bone, tahun

ABSTRACT

The interview was conducted with veteran singer Tahir Ali or better known as Jatt Black Dog Bone. The purpose of this interview is to find out about his career journey throughout the Malaysia Music Industry. The interview was conducted virtually via Google Meet on January 9 on 9:00 pm till 11:00 pm. His career in music first came in 1973 after a band was formed that year called Black Dog Bone which had 6 members and he was the lead vocalist of the band. During that period, the group has recorded a total of 7 albums. Black Dog Bone was disbanded in 1981 before returning to activity briefly until the 1990s. After a long time, he finally appeared as one of the participants in Astro's reality show, Gegar Vaganza season six in 2019. Throughout the interview, various of challenges were faced by Tahir Ali (Jatt) while serving as a singer in the Malaysian Music Industry. The history of his life and career can be a source of inspiration to everyone.

Keywords: Tahir Ali, Music, Singer, Black Dog Bone, Year

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaan daripada Nya dapat juga kami menyelesaikan serta menyempurnakan tugas wawancara bagi kursus IMR604 iaitu satu kursus mengenai Pendokumentasian Sejarah Lisan bersama dengan tokoh yang telah dipilih oleh kami. Kami juga bersyukur kerana dapat menghantar tugas ini mengikut masa yang telah ditetapkan dengan penuh jayanya.

Pertama sekali kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Tahir Bin Ali kerana telah memberikan kerjasama yang baik sebelum dan juga semasa kami melaksanakan sesi temubual ini bersama beliau. Terima kasih diucapkan juga kepada Encik Tahir Ali kerana sudi meluangkan masa untuk ditemu bual oleh kami serta sudi berkongsi mengenai pengalaman dan juga kisah hidup beliau sepanjang beliau melibatkan diri dalam bidang nyanyian ini. Tanpa kerjasama yang baik daripada Encik Tahir kami mungkin tidak dapat menyiapkan tugas ini dengan sempurna dan jayanya.

Selain daripada itu, terima kasih juga diucapkan kepada pensyarah kami iaitu Puan Nurulannisa Binti Abdullah yang telah mengajar kami untuk subjek IMR604 (Oral Documentation) ini. Beliau merupakan seorang pensyarah yang bertanggungjawab dan sangat komited dalam membantu para pelajarnya sepanjang tempoh untuk menyiapkan tugas ini. Beliau juga telah menyediakan garis panduan yang sangat lengkap kepada kami semua mengenai tugas ini. Dengan adanya bimbingan daripada beliau, kami semua telah Berjaya menyiapkan tugas ini dengan lebih mudah.

Akhir sekali, tidak dilupakan juga kepada rakan-rakan sekelas kerana banyak membantu sepanjang tempoh kami menyiapkan tugas ini. Terima kasih juga diucapkan atas tunjuk ajar serta pandangan-pandangan yang diberikan kepada kami baik secara langsung ataupun secara tidak langsung.

Sekian, terima kasih.

SENARAI ABREVIASI

SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
BBNU	Budak Baru Nak Up
BDB	Black Dog Bone
GV6	Gegar Vaganza 6
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
RTM	Radio Televisyen Malaysia)
KL	Kuala Lumpur

SENARAI SINGKATAN

SENARAI SINGKATAN

TA: Tahir Ali

NI: Nurizazi

NH: Nor Hafizzah

RUJUKAN KATA

RUJUKAN KATA

Nangis	Menangis
Diorang	Mereka
Paham	Faham
Takde	Tidak ada
Tu	Itu
Pikir	Fikir
Nilah	Inilah
Kecik	Kecil
Pun	Juga
Haa	Iya
Eh	Ye
Gini	Macam ini
Cenggitu	Macam itu
Tak	Tidak
Tengok	Lihat
Orang tua	Ibubapa
Bidan	Perawat kampung
Pasal	Sebab
Campak	Buang
Horey-horey	Berseronok
Tak nak	Tidak mahu
Gugup	Debaran
Menopoli	Menguasai
Taruk	Letak
Ok	Okay
Missal	Macam
Cintan	Cinta
Joget	Menari
Megah	Angkuh
Mat rock	Kumpulan rock

Setan	Syaitan
Gabra	Takut
Berduyun-duyun	Ramai
Ciput	Sikit
Wang	Duit
Jolokan	Gelaran
Kiok	Mati
Berinfag	Bersedekah

BIODATA PENEMUBUAL

1.1 PENEMUBUAL PERTAMA



Nama	Nor Hafizzah Binti Mohamed Razali
Tarikh Lahir	2 Oktober 1999
Tempat Lahir	Kampung Kuala Rejang
Alamat	Kampung Kuala Rejang 16310 Bachok Kelantan
No. Telefon	+60 11-2769 2011
Emeil	hafizahrazali1002@gmail.com
Program	Pengurusan Sistem Maklumat (IM245)

1.2 PENEMUBUAL KEDUA



Nama	Nurizazi Binti Mohd Rosli
Tarikh Lahir	8 Julai 1999
Tempat Lahir	Segamat, Johor
Alamat	No 7 Lorong Taman Berjaya Permai 38, 25150 Kuantan Pahang Darul Makmur
No. Telefon	+60 17-346 4897
Emeil	nrizzann@gmail.com
Program	Pengurusan Sistem Maklumat (IM245)

BIODATA TOKOH

2.1 BIODATA TOKOH



Nama	Tahir Bin Ali
Nama Samaran	Jatt Ali
Tarikh Lahir	19 Januari 1956
Tempat Lahir	Singapura
No. Telefon	+60 19-886 1635
Emel	marie.304@hotmail.com
Bidang	Penyanyi
Genre	Pop, R&B

2.2 PENGENALAN KEPADA TOKOH

Tahir bin Ali atau lebih dikenali sebagai Jatt Ali adalah seorang penyanyi kumpulan Black Dog Bone. Beliau adalah anak kelahiran dari Singapura yang dilahirkan pada 19 Januari 1956 dan merupakan anak kepada Allahyarham Haji Ali Bin Sabijan dan Hajah Zainah Binti Maon. Selain itu, beliau juga mempunyai lima (5) orang adik-beradik iaitu dua (2) orang perempuan dan tiga (3) orang lelaki. Beliau juga telah berjaya menjadi seni atau seorang penyanyi yang terkenal di Malaysia pada waktu ketika dahulu dan juga lagu yang dinyanyikan oleh beliau juga sudah tidak asing di telinga masyarakat pada masa kini. Antara lagu-lagu beliau adalah 'Khayalan', 'Si Gadis Ayu' dan banyak lagi. Beliau juga pernah bergabung dengan penyanyi hebat seperti Ziana Zain dan Ning Baizura dalam menghasilkan satu album 'Walt Disney'.

Beliau juga masih lagi bergiat aktif pada masa kini dengan menyertai satu (1) rancangan televisyen yang terkenal iaitu 'Gegar Vaganza Musim ke-6', dari rancangan itu, dengan nyanyian dan lagu yang beliau persembahkan mendapat banyak reaksi yang positif di kalangan juri, peserta, peminat dan masyarakat di Malaysia. Bukan itu sahaja, beliau juga telah melibatkan diri dalam banyak aktiviti kemasyarakatan seperti mengutip dana dengan menggunakan kaedah busking untuk pesakit-pesakit kanser di Johor.

SEJARAH LISAN

3.1 PENGENALAN

Tujuan utama penyelidikan ini dilakukan adalah untuk mendapatkan maklumat mengenai pengalaman-pengalaman hidup Tokoh-tokoh yang ada dalam Negara Malaysia ini. Penyelidikan ini dilakukan bagi memastikan maklumat yang akan kami perolehi adalah maklumat yang asli dan sahih yang kami dapati secara langsung dengan tokoh-tokoh seniman yang bakal kami pilih untuk ditemu bual nanti. Tokoh-tokoh seniman atau lebih dikenali sebagai panggilan artis veteran ini merupakan salah satu panggilan yang diberikan kepada mana-mana penggiat seni yang telah lama menceburkan diri dalam bidang nyanyian, lakonan, penerbitan, dan banyak lagi.

Sepanjang tempoh menyelesaikan kajian kami ini, kami dikehendaki untuk memilih atau mencari tokoh seniman yang dirinya sudah lama berkecimpung dalam industri seni ini dan juga tokoh yang mempunyai banyak pengalaman-pengalaman hidup yang mereka boleh kongsi dengan kami supaya pengalaman-pengalaman mereka ini dapat menjadi rujukan kepada orang-orang yang memerlukannya. Oleh itu, melalui kajian ini kami akan mengambil peluang sebaik mungkin untuk mencari tahu dengan lebih mendalam mengenai tokoh seniman kami ini. Kami juga akan merungkai liku-liku kehidupan yang dilalui oleh seniman ini dalam mengejar impian hidupnya.

Seterusnya mengenai seniman yang kami pilih untuk kajian kami ini adalah seorang penyanyi veteran yang terkenal pada tahun 1973-1990 an iaitu Tahir Ali atau lebih dikenali sebagai Jatt Ali. Penyanyi veteran ini dikenali di seluruh Malaysia sekitar 80-90 an dan beliau merupakah salah seorang ahli kumpulan Black Dog Bone. Bersama kumpulan ini mereka telah berjaya melancarkan 7 buah album. Melalui kajian yang dilakukan ini, kami akan memastikan setiap maklumat yang akan kami perolehi daripada beliau adalah maklumat yang tepat.

3.2 OBJEKTIF SEJARAH LISAN

- Untuk mengetahui dengan lebih mendalam tentang liku-liku kehidupan yang dilalui oleh Tokoh kami sepanjang beliau berada di dalam Industri Muzik Malaysia.
- Untuk mengkaji latarbelakang kehidupan Tokoh kami.
- Untuk mengetahui apakah sumbangan atau pencapaian yang diterima oleh Tokoh kami sepanjang beliau bergiat aktif dalam Industri Muzik Malaysia.

3.3 KEPENTINGAN SEJARAH LISAN

Sejarah lisan merupakan salah satu peranan penting terutama kepada para pengkaji sejarah dalam melakukan pelbagai jenis kajian yang mempunyai tema kajian mengenai sejarah yang mana ianya dapat dikaitkan dengan masyarakat serta individu. Bukan itu sahaja, ianya juga dapat dikaitkan dengan industri seni. Menurut Kamus Dewan edisi keempat (2010), ia memberi maksud kepada lisan iaitu lisan ini merupakan sesuatu yang diucapkan dan bukan ditulis. Ianya memberi maksud bahawa sejarah lisan ini hanya akan berlaku sekiranya individu atau masyarakat berkongsi mengenai sejarah secara bercakap. Selain daripada itu, dalam seseorang pengkaji itu membicarakan mengenai sumber lisan, terdapat dua konsep asas yang perlu para pengkaji tahu dan iaitu konsep asas yang pertama ialah tradisi lisan dan konsep asas yang kedua ialah sejarah lisan. Sepanjang tugas ini kami telah menggunakan konsep asas yang kedua iaitu sejarah lisan atau lebih difahami dengan kaedah yang digunakan dalam penyelidikan sejarah bagi mendapatkan serta untuk mengesahkan tentang sesuatu fakta yang kami perolehi. Bukan itu saja, justeru penulisan kajian ini juga ditulis untuk menambahkan pengetahuan kepada setiap individu apabila mereka bertemu dengan pelbagai pengalaman baru atau mereka dapat melihat sejarah ini daripada aspek yang pelbagai dan juga mengenali lebih banyak personaliti manusia yang berbeza-beza. Sejarah lisan ini juga dapat memberi maksud atau dapat ditafsir sebagai satu kaedah atau teknik penyelidikan moden yang bertujuan untuk memelihara pengetahuan-pengetahuan sejarah melalui pengkisahan oleh seseorang individu atau masyarakat tersebut. Kenyataan ini juga telah disebut oleh Ahmad (1987). Selain daripada itu, diantara kepentingan sejarah lisan ini adalah ia dapat menjadi pencetus semangat kepada masyarakat luar agar lebih menyedari serta mengambil berat mengenai sejarah mereka sendiri dan dapat merangsang minat terhadap penyelidikan tentang sejarah tempatan. Hal ini adalah kerana, melalui sejarah lisan orang yang bakal ditemubual dapat memberikan pandangan baharu mengenai peristiwa bersejarah yang telah berlaku sebelum ini. Bukan itu sahaja, sejarah lisan ini juga dapat memberi banyak kepentingan kepada generasi baru khasnya generasi yang hidup di zaman serba lengkap ini. Oleh itu, dengan adanya sumber lisan ini generasi-generasi baru yang hidup dalam serba lengkap ini dapat mengenali serta mendalami peristiwa-peristiwa serta kehidupan-kehidupan yang telah berlaku melalui kaca mata orang yang telah mengalami serta menyaksikan peristiwa dan melalui kehidupan pada ketika dulu.

KAJIAN LITERATUR

4.1 TOPIK 1: Industri Seni

Menurut kajian lepas yang telah dilakukan oleh kami mengenai tokoh seniman tanah air iaitu Tahir Ali atau lebih dikenali sebagai Jatt Ali, beliau merupakan seorang penyanyi yang sentiasa mencuba untuk mengejar impian nya sebagai seorang anak seni. Semasa mengadakan temu bual secara atas talian bersama kami beliau ada menceritakan kisah beliau yang terlalu minatkan muzik sejak beliau berumur sepuluh tahun lagi. Selain daripada itu, beliau juga ada memberi pandangan mengenai anak-anak muda yang ingin melibatkan diri dalam bidang nyanyian ini. Beliau mengatakana bahawa “Anak-anak muda yang ingin berjaya kena rajin belajar, mereka juga perlu rajin membaca nota-nota muzik” (Jatt Ali 2022). Oleh itu, dapat dikatakan bahawa Jatt Ali ini merupakan seorang insan yang sentiasa mencuba untuk mengejar impian nya sejak dari dulu lagi.

Encik Tahir Bin Ali iaitu vokalis kepada kumpulan Black Dog Bone, kami mendapati beliau masih bergiat aktif dan banyak menampilkan diri di pelbagai saluran hiburan yang agak popular iaitu *Gegar Vaganza* musim yang ke-6. Dalam petikan Harian Metro yang ditulis oleh Rudy Imran Shamsudin pada tahun (2019) mengatakan sejak musim ke dua hingga ke lima, baru sekarang vokalis kumpulan Black Dog Bone (BDB), Jatt dapat menyertai program realiti popular terbitan Astro, *Gegar Vaganza* musim keenam (GV6). Ramai menyambut baik pembabitannya dalam GV6 terutama peminat setia BDB yang rindu melihat Jatt beraksi secara langsung. Tidak dinafikan pembabitan Jatt atau nama sebenarnya Tahir Ali dalam GV6 bakal memberikan saingan kuat kepada 12 peserta lain antaranya Wann, Sham Visa, Noorshila Amin, Naqiu (Boboy), Ameer (Sofazr) dan penyanyi Singapura, Hady Mirza. Sebagai penyanyi berpengalaman dan masih aktif menyanyi di kelab, vokal Jatt masih kedengaran mantap sewaktu tampil di pentas menyanyikan lagu *Khayalan* pada majlis memperkenalkan peserta GV6.

Seterusnya, semasa sesi temubual Bersama beliau, beliau telah menyanyikan sebuah lagu untuk kami dan suara beliau juga masih sangat sedap untuk didengari oleh peminat-peminat dan juga dikhalayak umum walaupun usia beliau sudah menjangkau umur 66 tahun pada masa kini. Dalam petikan dari Berita Harian (2019), Jatt Ali membuktikan suaranya masih nyaring dan hebat seperti zaman kegemilangan band beliau, Black Dog Bone (BDB). Apabila beliau tampil di pentas pembuka tirai program realiti *Gegar Vaganza* 6. Jatt, yang nama sebenarnya, Tahir Ali, bagaikan mengubah ruang pentas persis mengadakan konsert

solonya sendiri. Hasilnya, beliau yang mengejutkan ramai dengan melontarkan beberapa baris lagu popular BDB, Cahaya Aidilfitri sebelum menyanyikan lagu 'hit' Khayalan meraih markah tertinggi sebanyak 84.57 peratus dalam pusingan pertama.

4.2 TOPIK 2: Artis Veteran

Gelaran artis veteran ini biasanya diberikan kepada golongan-golongan penggiat seni Tanah Melayu yang melibatkan diri dalam bidang nyanyian, lakonan, pembuatan lirik-lirik lagu, pengarah filem dan banyak lagi. Kisah artis veteran yang jarang menjadi bualan masyarakat akan tetapi mereka inilah orang-orang yang banyak memberi sumbangan kepada seni Tanah Air kita. Menurut Kamus Dewan Bahasa makna yang lebih mendalam mengenai veteran ini ialah mengenai orang-orang yang telah banyak pemngalamanya dalam sesuatu perkata. Seperti tokoh yang telah dipilih oleh kami iaitu Tahir Ali beliau merupakan seorang yang sentiasa sabar dan sentiasa mencuba pelbagai perkara bagi memastikan impiannya tercapai. Sewaktu sesi temu bual bersama kami dijalankan, beliau ada menceritakan mengenai hinaan-hinaan yang telah diberikan oleh orang sekeliling mengenai bidang nyanyian rock ini. Beliau mengatakan yang ada segelintir masyarakat yang beranggapan bahawa nyanyian rock ini adalah untuk memuja syaitan. Akan tetapi beliau menegaskan yang perkara ini tidak betul sama sekali serta beliau ada mengatakan yang “Lagu rock ini ada pelbagai, tidak semestinya lagu rock ini memuja syaitan. Ada juga lagu rock yang menceritakan tentang cinta, nasihat-nasihat dan banyak lagi kalau kita betul-betul tahu pasal lagu rock ini”- (Jatt Ali 2022). Walaupun pernah dipandang serong tapi beliau tetap tidak berputus asa dan tetap meneruskan impian beliau iaitu menjadi penyanyi rock sehingga kini. Banyak jasa yang telah beliau berikan terhadap industri nyanyian ini termasuklah menaikkan lagi minat-minat orang sekeliling terhadap nyanyian rockers ini.

TRANSKRIP

5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang penyanyi veteran dalam bidang nyanyian muzik tanah air. Bersama-sama kami ialah Encik Tahir Ali yang merupakan seorang vokalis kumpulan muzik Black Dog Bone. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 7 Januari 2022 bersamaan dengan hari Jumaat pada pukul 9 malam dengan menggunakan aplikasi atas talian Google Meet. Temubual ini dikendalikan oleh Nor Hafizzah Binti Mohamed Razali dan Nurizazi Binti Mohd Rosli. Kami merupakan pelajar semester 5 Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sistem Maklumat daripada Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM Kampus Machang. Berikut merupakan hasil rakaman yang telah dijalankan oleh kami berdua.

Petunjuk:

TA : Tahir Ali

NI : Nurizazi

NH : Nor Hafizzah

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

N.H : *Okay* [baiklah]. Saya mulakan dengan soalan pertama adalah mengenai diri peribadi Abang Jatt. Bolehkah Abang Jatt kongsi bersama kami mengenai latar belakang Abang Jatt? Seperti nama penuh, asal usul dan sebagainya.

T.A : Baiklah. Assalamualaikum saya ucapkan kepada Nor Hafizzah dan Nurizazi kerana telah sudi-- ingin menemu ramah dengan saya, terima kasih banyak-banyak. Baik, latar belakang saya dilahirkan di Singapura, nama sebenar saya Tahir Bin Ali atau lebih orang mengenali saya sebagai Jatt Ali. Saya mempunyai lima [5] orang adik beradik dan saya adalah yang bongsu. Saya dilahirkan di Singapura dan saya tinggal dengan kedua orang tua saya ditempat yang bernama Tanjong Katong ataupun Kampung Campbell.

N.H : Terima kasih. Jadi saya mahu bertanya soalan kepada Abang Jatt, macam Abang Jat cakap tadi nama gelaran Abang Jat adalah Jatt Ali kan. Jadi dari manakah Abang Jatt mendapatkan gelaran tersebut?

T. A : Wahh soalan ini sudah lebih lima puluh [50] tahun orang menanyakan soalan tentang nama ini (ketawa). -- Ceritanya begini, waktu itu arwah nenek saya minat sangat dengan seorang penyanyi pada tahun lima puluh an [1950 an] yang bernama Rohaizad. Jadi dia ingin sangat cucunya iaitu saya diberi nama Rohaizad. -- Ini adalah cerita yang saya dengar dari ibubapa saya kerana waktu itu saya masih kecil, saya sendiri tanya kenapa nama saya sebegini--, Jadi selepas saya bertanya, mereka katakan Rohaizad adalah nama dari arwah nenek kerana nenek sangat menyukai penyanyi bernama Rohaizad. Tetapi keadaan orang melayu kita ni kan kalau budak-budak tu asyik nangis- nangis dengan nama tu kan, mereka akan menganggap yang budak ni tidak boleh terima ataupun *carry* [bawa] dengan nama tu. Jadi dia pun tukar nama dan pergi berjumpa dengan ustaz untuk meminta nasihat apakah nama yang baik untuk saya selain dari Rohaizad, jadi ustaz memberi nama Tahir. Tapi walaupun nama saya sudah ditukar Tahir di *surat beranak* [sijil kelahiran], dia [nenek] tetap nak memanggil saya Jatt. Dari situlah nama Jatt ini wujud kerana dia [nenek] terlalu minat dengan seorang penyanyi yang bernama Rohaizad.

N.H : Saya teruskan dengan soalan yang seterusnya, bolehkah kongsi dengan kami apakah cita-cita Abang Jatt sebelum menjadi seorang penyanyi?

T. A : Sebenarnya begini, abang memang meminati muzik sejak berumur sepuluh [10] tahun, jadi memang abang tidak ada minat benda-benda lain selain semasa di *secondary school* [sekolah menengah] abang minat untuk berlayar dan ingin menjadi seorang pelayar kapal. Tetapi minat abang dengan muzik tetap ada, so [jadi] umur abang sepuluh [10] tahun tu abang minat dengan muzik dengan-- zaman-zaman abang tu zaman-zaman 'Pop Yeh Yeh', abang dengar lagu 'Pop Yeh Yeh', kalau daripada negara barat seperti kumpulan 'The Beatles'. Jadi dari situ perjalanan hidup abang dengan muzik begitu erat dan begitu kuat sekali sehinggakan abang berhenti sekolah dan tidak mahu menyambung sekolah sehingga tingkatan empat [4]. Pasal abang terlalu minat dengan muzik, jadi

perjalanan hidup abang tu, muzik muzik muzik. Jadi abang menjadikan muzik tu sebagai kerjaya abang dan sumber rezeki untuk kehidupan abang. Minat lain memang tidak ada, muzik *all the way* [sepanjang jalan].

N.H : Seterusnya kami ingin mengetahui apakah hobi Abang Jatt jika mempunyai masa terluang?

T. A : Hobi abang masa abang muda-muda dulu abang suka main bola sepak. Memang abang punya minat lah, bola sepak tu abang gunakan untuk meningkatkan stamina, bergaul dengan kawan-kawan di sekolah kawan-kawan di rumah. Memang bola sepak abang punya hobi, atau sekali-sekali abang minat *swimming* [berenang]. *Swimming* [berenang] juga baik untuk kesihatan lah, jadi antara ni ada dualah sama ada bola sepak atau *swimming* [berenang] itu saja.

N.H : Seterusnya, apakah bakat atau kelebihan yang ada pada Abang Jatt yang Abang Jatt nampak pada diri sendiri?

T. A : Bakat dan kelebihan tu semua yang abang nampak adalah -- kurniaan daripada yang atas itulah [Allah swt]. Dia [Allah swt] kurniakan dekat saya dari kecil--, kelebihan -- dekat muzik dengan suara. Saya amat bersyukur dengan suara yang Dia [Allah swt] bagi dekat saya tu saya boleh cari makan dengan -- bekerja di kelab malam dan menyanyi. Itu adalah kelebihan yang Tuhan bagi dekat saya, itu yang saya nampak lah. Kalau orang lain nampak saya lain saya tidak tahulah. Terus terang saya katakan, kelebihan yang diberikan untuk saya, itu sajalah suara untuk menghiburkan orang. (menganggukkan kepala).

N.H : Okay [baik] macam Abang Jatt cakap tadi, cita-cita tu macam nak jadi penyanyi, maksudnya dalam bidang nyanyian kan. Abang Jatt pernah terfikir tak yang Abang Jatt akan menjadi seorang penyanyi sekarang ni? Ada terbayang tak akan jadi seorang penyanyi?

T. A : Okay satu soalan yang baik. Sebenarnya abang cuma cita-cita menjadi seorang pemuzik, pemuzik yang bekerja di kelab mencari nafkah dengan cara muzik di kelab dan tidak terfikir langsung untuk menjadi seorang penyanyi ataupun jadi artis, *recording* [rakaman] artis sehingga sekarang. Tidak pernah terlintas "Weh aku nak jadi artis aku nak jadi itu lah ini lah" tak. Tujuan abang minat abang

dekat muzik percarian aku dekat muzik dan kerja dekat kelab untuk menghiburkan orang. Tetapi dengan rezeki yang diberi dekat abang dengan kumpulan 'Black Dog Bone', maka 'Black Dog Bone' diberi peluang membuat rakaman pada waktu tu pada tahun 1977 kalau tak silap saya. Disitu saya -- kita pun macam tak sangka yang tiba-tiba kita digelar sebagai artis. Tapi memang terus terang saya katakan, -- bukan tidak ada minat, macam tak terfikir yang nak jadi artis sampai sekarang. Haa begitulah ceritanya (senyum)

N.H : Maksudnya kalaulah Abang Jatt tak terfikir pun nak jadi seorang penyanyi macam sekarang ni kan, jadi agak-agak sekarang ni kalau Abang Jatt bukan seorang penyanyi, Abang Jatt jadi seorang apa?

T. A : Kalau nak bandingkan zaman dulu dengan zaman sekarang eh (menggaru belakang bahu) kalau soal tu nak menjadi penyanyi nak jadi-- sekelip mata jadi artis ye, begitu pantas sekali. Maksud saya, dia senang. Dia viral je dekat mana-mana dekat YouTube ke -- *pup* [terus] orang dah kenal dah dia --. Macam kalau saya nak jadi artis pun untuk zaman sekarang, saya rasa kesenangan tu memang ada lah. Pasal apa, ini zaman zaman viral dengan adanya -- dia panggil media sosial yang senang kan. Zaman-zaman kita zaman enam puluh an [1960 an] lima puluh an [1950 an] mana ada benda-benda gini kan. Jadi kita nak kena berusaha, tapi macam sekarang ni senang. Kita viral kan dekat tempat di mana orang nampak kita, kita ada *followers* [pengikut] sampai juta-juta terus "Wah dah jadi popular". Tak payah nak jadi artis dah orang dah kenal dah macam "Ehh Nor Hafizzah, Nurizazi ohh si zazi tu baguslaa suara dia" (tunjuk ibu jari menandakan bagus) haa cenggitu. Pasal masa zaman kita mana ada kan, *so* [jadi]-- paling senang untuk zaman sekarang ni kalau nak digelar sebagai artis nak jadi popular begitu senang sekali kerana zaman media sosial (senyum). *Agree* [setuju]? (Ketawa)

N.H : Betul (mengangguk) setuju, Okay saya teruskan, jika Abang Jatt ni bukan seorang penyanyi, apakah pekerjaan yang diinginkan dalam hidup Abang Jatt ni?

T. A : Seperti mana yang saya cakap kan, saya kalau bukan jadi seorang penyanyi saya suka jadi-- seorang pelaut-- yang bekerja kat kapal layar. Pasal saya minat nak

pergi luar negeri, saya minat pergi negeri orang. Kalau melayu cakap apa ya *sailor* [pelayar]? Ada satu perkataan dia panggil (berfikir) bukan nelayan dia panggil *sailor* [pelayar] -- haa itulah saya minat untuk pergi negeri orang, menziarah negeri orang-- menjadi seorang pelayar kapal-- kalau bukan seorang penyanyi lah-- kapal ha macam tulah tapi ada nama dia apa tah tak tahu lah (ketawa) pelaut la pelaut (ketawa).

N.H : Abang Jatt kan seorang penyanyi mesti ada lagu yang Abang Jatt minat kan? Boleh tak Abang Jatt senaraikan beberapa lagu yang paling terngiang-ngiang dalam fikir Abang Jatt?

T. A : Sebenarnya genre abang ni daripada muda ni abang suka lagu-lagu rock, lagu-lagu rock klasik daripada negera -negera barat macam -- 'The Beatles' tu. Jadi itu yang abang minat lah tapi bila abang dah *join* [sertai] dengan '*Black Dog Bone*', genre ditukar, tukar ke muzik yang lebih ringan yang lebih orang senang dengar. *So* [jadi] lagu-lagu yang abang minat itu lah rock, sentimental, lagu-funk. Tapi terus terang abang katakan memang abang tak suka, bukan tak suka tapi tak minat dengan lagu-lagu rap sebab abang tak boleh ber-rap. Jadi yang abang suka tu rock, sentimental, dan lagu-lagu macam funk lah. Macam lagu-lagu daripada kumpulan-kumpulan berkulit hitam. (angguk dan senyum)

N.H : Apakah yang paling Abang Jatt suka ataupun kagumi yang ada dalam diri Abang Jatt sendiri? Maksudnya kelebihan yang ada pada diri Abang Jatt dan yang paling Abang Jatt rasa kagum dengan kelebihan yang Allah bagi.

T. A : Ini satu soalan susah nak jawab ni, saya sebenarnya orang yang *simple* [ringkas], ataupun orang kata *happy go lucky* [ceria] dan saya suka bergurau, berseloroh, suka ketawa, dan saya suka berkawan. Tapi bila saya nak berkawan tu saya tengok kawan ni boleh berkawan ataupun tidak, dan apa yang ada pada diri saya tu, Allahualam lah orang luar yang nampak saya tak berani nak cakap apa-apa. Saya cuma cakap yang saya ni suka berkawan, saya suka *happy-happy* [bergembira] dan yang paling saya tak suka *problems* [masalah] dan yang paling saya suka itulah *happy-happy* [bergembira] saja lah. Saya tak suka macam

masalah sana masalah sini, saya suka *happy* [gembira] kalau ada masalah pun saya tak nak fikirkan. Itulah diri saya yang sebenar-benarnya yang ada dalam diri saya lah (senyum) nak cakap saya itu ini saya tak berani cakap apa-apa biar orang luar yang cakap (senyum)

N.H : Soalan mengenai keluarga Abang Jatt, saya ingin mengetahui nama ibu bapa Abang Jatt sendiri

T. A : Arwah bapa saya iaitu nama Haji Ali Bin Sabijan dan ibu saya alhamdulillah masih sihat, dia baru sahaja menyambut ulang tahun dia yang ke sembilan puluh [90] tahun kalau tak silap saya bulan lepas iaitu Hajah Zainah Binti Maon. Ini kedua orang tua saya yang membimbing saya sejak kecil, menjaga saya sejak kecil sehinggalah sekarang dan alhamdulillah ibu saya masih kuat lagi cuma dia ada sedikit -- orang tua lah berumur sembilan puluh [90] tahun dan dia masih boleh memasak lagi kalau dia nak masak, cuma jalan dia tak kuat lah, itulah orang tua saya.

N.H : Bolehkah kami tahu bilakah tahun kelahiran mereka berdua iaitu ibubapa Abang Jatt?

T. A : Alamak, tentang itu saya tak ingatlah. Bila hari tarikh lahir kelahiran mereka tu saya tak ingat langsung --

N.H : Kalau tempat lahir mereka, Abang Jatt ingat tak?

T. A : Setahu saya dulu zaman-zaman di Singapore [Singapura] tu mereka kalau dilahirkan macam saya ni pun dilahirkan di nama tempat tu hospital '*Kandang Kerbau*' bukan dekat kandang kerbau ye (ketawa) tapi nama hospital tu ;*Kandang Kerbau*' sampai sekarang hospital tu masih ada nama '*Kandang Kerbau*', untuk orang dulu dulu lah maksud saya. Tapi kalau macam arwah bapa saya dengan ibunda saya, saya tidak tahu lah sama ada mereka dilahirkan di hospital atau dilahirkan di rumah ke saya tidak tahu. Kan orang dulu dulu ada yang lahir dekat rumah panggil *bidan* [perawat kampung] ke apa kan. Ibubapa saya dilahirkan di hospital ataupun dekat rumah itu saya tidak tahu sangat, saya tak *confirm* [pasti].

N.H : Apakah pekerjaan ibubapa Abang Jatt?

T. A : Arwah bapa saya ni dulu dia seorang *driver* [pemandu]. Dia -- masa saya masih kecil saya ingat -- dia kerja dengan Company Magnolia [Syarikat Magnolia] susu. Dia jadi *driver* [pemandu] susu (gaya sedang memandu). Setiap pagi dia hantar susu dekat rumah kami, kita minum susu sendiri-sendiri lah. Dan selepas itu, dia berhenti di Magnolia dia kerja pula dekat gudang rokok iaitu *houseman* [pembantu]. Juga menjadi seorang *driver* [pemandu] dan bapa saya ni seorang pemain bola sepak dulu dia mewakili Singapura melayu. Singapore malay orang panggil. So [jadi] ibu saya tidak ada pekerjaan dia adalah surirumah tangga sepenuhnya. Itu saja (menganggukan kepala)

N.H : Tadi Abang Jatt cakap umur ibu Abang Jatt 90 tahun kan? Kalau bapa sekarang ni berapa tahun dah?

T. A : Saya rasa kalau dia masih hidup, saya rasa dalam sembilan puluh empat [94] ke sembilan puluh lima [95] tahun lah. Dia lebih dalam lima [5] tahun macam itulah.

N.H : Dalam kalangan adik-beradik Abang Jatt, berapa orang perempuan dan berapa orang lelaki tu?

T. A : Perempuan 2, laki-laki 3 tapi yang hanya tinggal 2 sahaja. Yang 3 ni dah pun tidak ada lah dah meninggal. Abang saya dan kedua kakak saya dah meninggal. Jadi tinggal saya dengan abang saya yang 1 ni dan -- adik-beradik yang lain sudah tidak ada [meninggal dunia].

N.H : Takziah diucapkan kepada Abang Jatt. Tahun berapakah Abang Jatt mendirikan rumah tangga?

T. A : Saya masih ingat (memandang keatas) alamak, pertama saya mendirikan rumah tangga kalau tak silap saya tahun 1976 dengan isteri saya yang pertama dah pun meninggal dikurniakan tiga [3] orang anak. Pada tahun 1976. Waktu tu '*Black Dog Bone*' belum jadi artis lagi.

N.H : Kalau tidak keberatan, boleh ke Abang Jatt bagitahu kami berapakah umur anak Abang Jatt sekarang yang tiga orang tu?

- T. A : Yg tiga-tiga ni tak silap saya yang tua [sulung] tu dia lahir tujuh puluh lapan [tahun 1978] sekarang dh 2022, -- dalam 44 tahun saya rasa. Yang tua [sulung] 44 tahun, yang nombor 2-- dia bawah 3 tahun jadi dalam 41 tahun. Empat puluh empat tahun [44], empat puluh satu tahun [41] dan empat puluh dua tahun [42] ya. (anggukkan kepala)
- N.H : **Kalau Abang Jatt masih ingat, dimanakah sekolah rendah Abang Jatt dulu?**
- T. A : Oh yang itu abang ingat, sekolah rendah saya di Singapura waktu tu nama S-E-R-A-Y-A '*Seraya Primary School*'.
- N.H : **Okay kalau waktu sekolah duluan, kita mestilah ada kita punya subjek kegemaran kan, kalau Abang Jatt sendiri Abang Jatt paling minat subjek apa?**
- T. A : Saya dulu sekolah ni, *Primary School* [sekolah rendah] ni, saya tidak ada target-target saya sekolah je zaman zaman dulu. Macam budak-budak zaman sekarang mereka ada target mereka sendiri. Tapi kita tidak ada, mak hantar pergi sekolah, kita pergi sekolah saja lah--. Bila balik sekolah mak tanya belajar apa harini. Tapi kalau untuk nak target untuk nak jadi apa, untuk apa-apa subjek tu, memang tidak ada lah. Memang zaman saya, ni pada zaman sayalah, zaman orang lain saya tidak tahulah macam mana. Pasal saya ialah saya datang sekolah nak *happy-happy* [gembira-gembira] nak jumpa kawan-kawan tu saja. Kalau nak target benda-benda tu memang tidak ada lah, (senyum). Budak sekarang memang nak target itu nak target ini, zaman zaman-- kita ni duduk kampung kan, balik sekolah je *campak* [buang] beg, *campak* [buang] buku main layang-layang lah main lari-lari ke sana ke sini, tak fikir-fikir pun pasal pelajaran semua ni (ketawa)
- N.H : **Tentang guru, walaupun Abang Jatt kata Abang tidak ada minat dalam mana-mana subjek tu kan, boleh tak kami ingin tahu siapakah guru kegemaran Abang Jatt masa sekolah menengah dulu? Sekolah menengah ke, sekolah rendah, kalau ada.**

T. A : Langsung tidak ada (ketawa) kan saya kata saya ni kalau pergi sekolah, memang akan pergi sekolah saja. Takdelah nak minat guru tu atau minat guru ni, memang tidak ada lah --. Datang datang sekolah, belajar-belajar terus balik. Cuma yang saya ingat satu guru tu yang nama dia Cikgu – kalau tak silap saya dia dah jadi arwah [meninggal] dah. Cikgu Ibrahim, itu yang saya ingat. Dia mengajar sepak takraw, itu saja lah. Yang lain saya tak ambik kesah sangat, -- yang minat-minatlah. Sampailah ke sekolah menengah [tidak ada guru kegemaran].

N.H : Adakah Abang Jatt masih berhubung dengan kawan-kawan masa sekolah dulu?

T. A : Kalau sekolah rendah memang dah lama la tak dapat berhubung walaupun dah ada sosial media ni. Sekolah menengah ada juga dua [2] atau tiga [3] orang yang baru jumpa. Tapi bukan jumpa dekat sosial media, tapi jumpa diluar. Dalam satu [1] atau dua [2] orang saja lah yang saya dapat jumpa. Yang lain tidak tahu mana pergi menghilang sampai sekarang tak dapat *contact* [hubungi] sama ada masih hidup ataupun tidak memang dah tak tahu lagi lah. Cuma baru-baru ni yang dalam tujuh [7] tahun atau lapan [8] tahun yang lalu lah baru jumpa kawan sekolah menengah lah tapi sekarang dah *lost contact* [terputus hubungan] balik dah (mengangguk)

N.H : Kalau kawan baik pun tak *contact* [hubungi] dah sekarang?

T. A : Tidak ada dah hilang terus, *lost contact* [terputus hubungan] terus

N.H : Kalau zaman sekolah dulu mesti ada aktiviti-aktiviti yang ada kat sekolah kan, jadi dekat sekolah Abang Jatt dulu ada tak macam aktiviti nyanyian ke muzik ke ada tak?

T. A : Kalau sekolah menengah tu memang ada, tapi -- waktu tu -- walaupun saya minat muzik, saya ni pemalu. Saya tak nak masuk pun *talent time* [pertandingan ujibakat], tak nak masuk apa pun. Kawan-kawan saya cakap “Pergi la masuk” tapi saya cakap “No no saya tidak mahu”. Memang ada aktiviti-aktiviti di sekolah menengah ada *talent time* [pertandingan ujibakat] -- ada brass band. Saya tidak minat-- untuk menceburi benda-benda begini. -- seperti saya kata tadi

kan, saya kalau datang sekolah memang sekolah saja lah, buat kerja sekolah terus balik itu saja. (ketawa)

N.H : Abang Jatt ada pegang apa-apa jawatan tak masa sekolah dulu?

T. A : Mana ada jawatan-jawatan (ketawa). Kalau -- sekolah rendah la, -- dia panggil *monitor* [ketua kelas] ya? Ketua darjah ye? Haa itu saja lah jawatan yang abang pegang. -- Bila dah sekolah menengah langsung -- abang tidak ada terlibat dengan apa-apa aktiviti.

N.H : Ada tak apa-apa pengalaman yang Abang Jatt masih ingat masa Abang Jatt berada masa sekolah rendah dulu? Pahit ke manis ke?

T. A : Pengalaman pahit manis memang tidak ada lah, -- kita ni budak kampung pergi sekolah *horey horey* [bersorak] seronok-seronok lepastu balik --. Macam zaman dulu kita pergi sekolah bawak bekal sendiri mak buat bekal kita makan. Bila -- rehat kita makan yang mak bawakan, jadi tak ada apa-apa yang istimewa sangat lah pada zaman-zaman sekolah bagi abang lah.

N.H : Mengenai sekolah menengah, adakah sama tempat, nama sekolah menengah Abang Jatt sama ke dengan sekolah rendah? Ke lain lain?

T. A : Lain, nama sekolah menengah nama dia Maju M-A-J-U Maju Secondary School. Dia ada dua [2] aliran, satu [1] aliran Melayu, satu [1] aliran English. Abang bahagian aliran English punya, bahagian melayu abang --. Dulu Singapura mana-mana sekolah dia ada dua [2] aliran Malay and English macam tu. Tapi abang bahagian english lah.

N.H : Kalau sekolah menengah dulu kan, ada tak Abang Jatt menyertai apa-apa sukan?

T. A : Ada, sepak takraw itu saja lah. Abang sekolah menengah tu *represent* [mewakili] untuk '*Maju Secondary School*' berlawan dengan sekolah-sekolah lain lah *represent* [mewakili] untuk sekolah tu lah.

N.H : Kalau main takraw tu, pernah tak wakil negeri atau wakil sekolah ke?

- T. A : Saya mewakili sekolah, -- Maju. Saya mewakili. Saya dipilih lah.
- N.H : **Lepas Abang Jatt dah habis sekolah menengah, Abang Jatt ada sambung dekat mana-mana universiti tak?**
- T. A : Lepas sekolah menengah tu, abang pernah bekerja. Abang nak duit sendiri. Ini sebelum jadi pemuzik ya. Lepas sekolah menengah tu, abang bekerja sebagai seorang pekerja di pam minyak. Pam minyak tukang isi minyak jadi abang nak duit, abang taknak *kacau* [ganggu] orang tua abang, abang nak duit sendiri jadi abang kerja dan selepas kerja di pam minyak tu abang dapat kerja berapa bulan eh? (Pegang dagu sambil berfikir) lepastu abang bekerja sebagai seorang pekebun pulak, *nursery* [tapak semaian] bekerja sebagai *nursery* [tapak semaian] tu untuk cari duit sendiri taknak menyusahkan orang tua, cari pembelanjaan abang sendiri lah kan. Nursery -- barulah abang diundang untuk *join* [sertai] kumpulan 'Black Dog Bone' ni -- pemain muzik di kelab. Itulah berlakunya selepas sekolah abang belum bermain muzik lagi, abang bekerja dulu-- *so* [jadi] lama-lama barulah abang dijemput untuk *join* [sertai] kumpulan 'Black Dog Bone' -- itula perjalanan hidup saya menjadi pemuzik.

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: KERJAYA TOKOH

N.I : Seterusnya pasal pilihan kerjaya Abang Jatt. Tahun berapakah Abang Jatt mula bergiat aktif sebagai seorang penyanyi?

T. A : Okey (pandang ke atas) kerjaya abang sebagai seorang *actives* [aktif] seorang penyanyi atau pemuzik pada tahun 1974. *You all* [kamu semua] pun belum dilahirkan. Tahun 1974 bekerja sebagai seorang pemuzik (pandang ke atas) sehingga tahun 1977 barulah kita diberi peluang untuk merakamkan lagu di piring hitam.

N.I : Bagaimanakah Abang Jatt boleh terlibat dalam bidang nyanyian itu?

T.A : Seperti mana yang abang pernah cakap tadi, abang memang minat muzik pada umur abang sepuluh [10] tahun. Minat muzik sehinggalah abang tidak mahu bersekolah, tidak mahu *concentrate* [menumpukan perhatian] dalam sekolah menengah pun abang tak nak fokus, abang fokus dekat muzik. Jadi bila tujuh puluh empat [tahun 1974] tu [itu] yang abang kata tadi tu [itu] yang selepas abang bekerja di *pam* [stesen] minyak, jadi *nursery* [tapak semaian] dekat kebun. Apabila saya di *offer* [tawarkan] untuk bekerja dengan '*Black Dog Bone*' di kelab malam itulah mulanya.

N.I : Siapakah orang yang bertanggungjawab yang bawa Abang Jatt masuk dalam industri muzik Malaysia ini?

T. A : Orang yang bertanggungjawab membawa kami '*Black Dog Bone*' ke industri muzik, sebagai seorang artis ataupun *recording* [rakaman] artis iaitu saudara S. Atan. Dialah *producer* [penerbit], dia mencipta muzik untuk '*Black Dog Bone*' pada masa itu.

N.I : Sudah berapa lamakah Abang Jatt terlibat dalam industri muzik ini?

T.A : Kalau nak ikutkan, pada tahun 1974 *you* [awak] bayangkan sekarang 22 [2022], 74 [1974], 12 [2012] --, 84 [1984], dekat dalam lima puluh [50] lebih tahun agaknya (mengangguk).

- N.I** : **Lama ye**
- T.A : Ya lama, (mengangguk) memang lama, tahun 1974 you [awak] bayangkanlah sampai sekarang umur saya. Alhamdulillah saya masih sihat. Aamiin. (senyum)
- N.I** : **Alhamdulillah. Apakah yang membuatkan Abang Jatt yakin duduk dekat atas pentas untuk menyampaikan lagu-lagu Abang Jatt.**
- T.A : Okay [baiklah] seperti yang soalan *you* [awak] ini, kenapa saya yakin boleh berada di atas pentas sebab saya bermula di kelab. Saya bermulakan di kelab malam, saya sudah dapat-- melihat pengunjung-pengunjung kelab malam. Jadi di situ keyakinan tentang diri abang sudah ada dan persembahan kita tiap- tiap malam dekat kelab orang suka dan bila kita menjadi seorang artis tu bila kita buat konsert ke apa, jadi tidak ada masalah sebab kita sudah ada kebiasaan benda-benda macam tu. Kita punya *experience* [pengalaman], pengalaman itu sudah ada. Jadi macam tidak ada rasa gugup, rasa apa. Jadi kita santai sahaja. (menganggukkan kepala)
- N.I** : **Boleh atau tidak kami tahu siapa inspirasi Abang Jatt sepanjang Abang Jatt dalam bidang nyanyian ini?**
- T.A : Inspirasi abang banyak sebenarnya, macam penyanyi-penyanyi daripada luar negeri la, negara barat-- seperti penyanyi dari kumpulan ‘*The Bitters*’, ‘*John Lennon*’. Kalau daripada rock, ‘*Lan Gillan*’, ‘*Dio*’, ‘*Robot Plan*’. Itulah abang punya inspirasi dalam bidang muzik inilah. Kenapa abang cerita itu abang suka dengar suara mereka. Kenapa suara mereka macam ni abang mempelajari. Dekat situ abang mempelajari “Ouh cara dia gini gini gini dan gini” --. Dan seperti mana abang cakap, abang bersyukur Alhamdulillah Tuhan telah anugerahkan abang suara untuk mencari rezeki dengan suara ni. Alhamdulillah.
- N.I** : **Pasal kumpulan Abang Jatt ‘*Black Dog Bone*’, bagaimanakah penubuhan kumpulan tersebut?**
- T.A : *Group* [kumpulan] itu ditubuhkan pada tahun 1974. Mula-mulanya begini, kami waktu zaman-zaman di Singapura kita selalu pergi ke tempat majlis-majlis, -- orang kawin, kenduri kawin. *So* [jadi] di Singapura dulu tiap-tiap kenduri kawin

itu mesti ada *band* [kumpulan], ada *band* [kumpulan] main. Jadi abang minat muzik abang selalu pergi, sama ada dari tempat abang tu, pergi ke tempat-- lain kampung nanti tengok la *band* [kumpulan] tu main-main. Nanti ada lagi satu budak-budak yang suka main muzik nanti tanya abang “Eh mari kita jamming ke apa kan” nanti tanya “Abang main apa, adik main apa”. Dekat situ lah kita tunjukkan yang kita punya bakat. Bakat kita tu kita main dekat tempat yang orang boleh melihat bakat kita, iaitu dekat kenduri kawin pada zaman itu. Di Singapura tiap-tiap kali ada kenduri kawin, mesti ada *band* [kumpulan], main. (Menganggukkan kepala)

N.I : Soalan seterusnya pasal persepsi Abang Jatt, sebelum Abang Jatt jadi artis apakah persepsi Abang Jatt terhadap industri muzik Malaysia ni?

T. A : Sebelum abang jadi artis, perspektif industri muzik zaman dulu semua zaman ‘*Pop Yeh Yeh*’ yang begitu popular sekali zaman ‘*Pop Yeh Yeh*’ tu zaman abang. *Okay* [baik] dan bila zaman-zaman tujuh puluh an [1970 an] ditukar pula, ditukar zaman-zaman tu waktu tu semua daripada seberang, daripada Indonesia. Daripada Indonesia seperti ‘*Mesis*’, ‘*Kiloid*’ la apa la (menggerakkan tangan mengira). *So* [jadi] bila-- kita pula menjadi artis kita keluar. ‘*Black Dog Bone*’ keluar pertama kali pada zaman tu, orang menyangkakan yang ‘*Black Dog Bone*’ juga dari Indonesia. Mereka tidak tahu yang ‘*Black Dog Bone*’ ni dari Singapura. Orang yang kenal ‘*Black Dog Bone*’ ni orang yang pergi kelab saja. Pergi kelab malam tahun-tahun tu orang kenal ‘*Black Dog Bone*’ dari Singapura. Tapi bila kita keluar album pertama, orang ingat kita ni dari Indonesia. Jadi perspektif dia dekat situ, zaman-zaman enam puluh an [1960 an] zaman-zaman ‘*Pop Yeh Yeh*’ dan zaman tujuh puluh an [1970 an] zaman-zaman ‘*Kiloid*’. Lagu-lagu Indonesia memang menopoli lah di Radio Singapura mana-mana lah dan mungkin di Malaysia juga pada zaman itu. Siapa tidak kenal ‘*Kiloid*’ siapa tidak kenal ‘*Mersis*’ pada waktu tu. Itulah dia cerita dia. (menganggukkan kepala)

N.I : Dari pandangan Abang Jatt, apakah persediaan seseorang itu sebelum menceburi diri dalam bidang industri muzik ini.

T.A : Terus terang abang katakan pada diri abang, abang memang tidak ada, -- (sedang mencari ayat yang sesuai) macam mahu menjadi seorang -- pemuzik tu macam

abang, abang memang minat muzik kan. Jadi abang dengan sendirinya memang sudah ada pada diri abang. Tetapi bagi abang sekarang ni, sesiapa yang ingin menjadi seorang pemuzik ataupun penyanyi dia harus bekerja keras. Macam abang ni dipanggil *talented* [berbakat], memang sudah ada dianugerahkan oleh yang Maha kuasa dan pada zaman sekarang siapa yang ingin menjadi seorang pemuzik dia harus bekerja keras, dia harus belajar. Belajar membaca nota muzik adalah paling baik. Macam zaman- zaman abang pun abang belajar baca-baca nota muzik. Jadi nak jadi seorang pemuzik yang baik itu kita harus belajar membaca nota muzik. Jadi kita akan senang untuk pergi kemana-mana dan senang kita cari makan. Kalau (sambil lihat ke bawah) kalau setakat kita yang *sorry to say* [maaf cakap] lah yang ada orang yang mahu jadi pemuzik atau mahu jadi penyanyi, mahu jadi artis, kalau setakat mahu jadi *glamour* [terkenal] tidak payah lah (menggelengkan kepala). Pasal muzik ni sebenarnya dia seni yang begitu cantik. Tapi kalau kita setakat “Aku mahu jadi terkenal, popular”, abang rasa mintak maaf lah abang bukan nak mengata siapa-siapa dekat luar sana tapi tidak payah lah. Kalau mahu jadi pemuzik, biar jadi pemuzik yang betul-betul. Mahu jadi penyanyi biar jadi penyanyi yang betul-betul yang tulen dan betul asli daripada diri kita. Itu saja.

N.I : Apa pula pandangan Abang Jatt terhadap industri muzik pada zaman sekarang ini, lebih lagi pada genre yang Abang Jatt bawa. Adakah zaman sekarang ini, Abang Jatt rasa lebih sesuai, lebih baik ataupun kurang mendapat sambutan?

T.A : Okay [baik] kalau *you* [awak] tanya tentang genre abang dengan zaman sekarang ni memang jauh beza, memang banyak sekali. Mungkin genra kami--pada zaman-zaman kami tu lagu-lagu dia, memang saya katakan lah lagu-lagu banyak nostalgia. Tapi zaman sekarang zaman moden, mereka buat macam-macam, mereka punya *idea* [pandangan] mereka keluarkan buat ini buat itu dan ada rap dan zaman sekarang juga dalam sebuah lagu tu mereka boleh selitkan dalam Bahasa *English*. Kebanyakan sesetengah ada yang guna Bahasa English. Tetapi zaman-zaman abang tidak boleh, kita *straitly* [secara tegas] kalau Melayu, Melayu saja dia tidak boleh campurkan Bahasa English tu dalam sebuah lagu. Jadi perbezaan dia banyak di sini, zaman-zaman sekarang artis-artis juga muda,

yang ada juga berlakon baik-baik, yang ada pengalaman dengan muzik. Mungkin mereka belajar muzik masa dekat sekolah atau mereka ada yang abang lihat muda-muda dulu mereka boleh mengajar orang menyanyi. Maknanya mereka ada pengalaman. Jadi perbezaan di situ antara dua [2], antara zaman abang dengan zaman sekarang memang jauh beza dia. *Even* [malah] seni kata muzik tidak sama macam dulu. Dulu kita tidak boleh sebarang-sebarang, kita kalau sebarang-sebarang je kena *gam* [disekat], sebarang-sebarang je kena *gam* [disekat]. Lagu tu juga tidak boleh dimainkan di Radio.

N.I : Maknanya dulu lagi straight [lurus] la daripada zaman sekarang kan.

T.A : Ya betul (menganggukkan kepala). Tapi mereka untung, zaman sekarang terbuka sikit dia punya -- had untuk sebuah-sebuah seni kata ataupun lagu tu [i mereka bukakan sikit. Dulu kita *taruk* [letak] Bahasa English sikit pun tidak boleh. Mereka kata “No no tidak boleh” (buat gaya tidak boleh). Mesti nak Melayu, Melayu je [saja] *all way* [sepanjang jalan] tidak boleh campur-campur. Itulah keuntungan zaman sekarang, artis-artis sekarang ni lah. Mereka dapat kebebasan sikit (anggukkan kepala).

N.I : Seterusnya apakah komen Abang Jatt terhadap lagu-lagu lama yang dinyanyikan oleh artis-artis baru sekarang. Boleh tak Abang Jatt bagi komen, tentang bagaimana cara mereka bawa tu lagu itu. Adakah baik atau macam mana?

T.A : *Okay* [baik] kalau awak nak saya *kasi* [bagi] komen tentang benda ni (tunduk ke bawah) sebenarnya macam ni, seseorang artis itu bila kita nak buat balik lagu lama untuk di modenkan, dibarukan balik tidak salah. Tidak salah asalkan lagu, *melody original* [melodi asli] kita jangan tukar sudah. Kita jangan ubah, kalau kamu nak ubahsuai tentang *arrangement* [susunan] memang ok [okay] tiada masalah. Pasal itu adalah idea yang ada pada diri budak-budak zaman sekarang ni. Tapi *melody line* [baris melodi] dia-- (tangan menunjukkan bentuk melodi) kita jangan terlalu tukar. Tukar sikit boleh tapi jangan terlalu banyak. Pasal apa, bila kita tukar terlalu banyak dia akan rosak lagu yang asli dia. Cara dia nak nyanyi macam mana itu terpulang pada dia, itu cara dia. Kita tidak boleh komen banyak-banyak pasal apa, itu cara dia menyanyi. Dia tidak boleh ikut macam

“Eh aku mesti nak ikut cara macam orang dulu-dulu menyanyi” tidak boleh. Macam abang, “Aku juga tidak boleh ikut cara zaman sekarang”. Zaman sekarang orang panggil (pandang ke tepi) BBNU [budak baru nak up] ke apa. Tidak tahulah budak zaman sekarang kan. Abang tidak boleh ikut cara mereka, mereka juga tidak boleh ikut cara abang. Mereka juga ada cara mereka sendiri, idea mereka sendiri, cara mereka sendiri, macam mana mereka nak menyampaikan sesebuah lagu tu, dialah sendiri yang kena buat. Asalkan jangan rosakkan *melody line* [baris melodi] dia.

N.I : Pada pendapat Abang Jatt lagi, apakah kesan Covid-19 ini kepada artis ataupun diri Abang Jatt sendiri dalam industri muzik.

T.A : Apa tadi pasal Covid ye? Okay memang terjejas. Terus terang abang katakan memang terjejas dah hampir masuk dua [2] tahun lah pencarian abang sebagai seorang penyanyi atau pemuzik memang terjejas sesangat-sangat nya. Tetapi apa boleh kita buat, macam abang redha saja lah kita tidak boleh buat apa. Itu penentuan bagi yang Maha kuasa, kita kena redha. Bukan abang sorang saja tapi di luar juga banyak lagi artis-artis lain pun sama juga macam apa yang berlaku kepada abang ini lah. Memang terjejas sangat-sangat.

N.I : Bagi pandangan Abang Jatt, adakah kita patut menjadikan kerjaya sebagai artis ini sebagai kerjaya tetap kita?

T.A : Okay [baiklah] ni dalam-- benda ni ada dua [2], kan macam abang kata abang ni bermula daripada muda, memang abang minat dalam muzik, so [jadi] abang anggap muzik ni sebagai kerjaya abang. Tapi untuk zaman sekarang ini, seperti abang cakap abang tidak tahu sama ada mereka ambil muzik ini sebagai kerjaya atau untuk glamor atau popular. Itu wallahuallam apa mereka punya pemikiran lah, apa mereka anggap muzik ini untuk apa. Kalau mereka ambil muzik ini sebagai kerjaya mereka bagus lah. Tapi kalau mereka ambil muzik ini ataupun menyanyi ini sebagai suka-suka ataupun *part time* [sambilan] untuk mengejar glamor ataupun populariti itu pun terpulang kepada mereka lah. Kita tidak boleh cakap apa-apa, kita tidak boleh komen apa sekali pun. Macam abang memang minat muzik, muzik ni untuk abang punya pencarian rezeki sampai lah sekarang. (anggukkan kepala).

N.I : Sepanjang Abang Jatt dekat dalam industri muzik ini, apakah perkara yang paling mencabar dari segi fizikal dan mental Abang Jatt?

T.A : Menjadi seorang penyanyi muzik daripada dulu sampai sekarang dia punya dia apa tidak. Cabaran dia tidak lah terlalu berat. Cabarannya kita memperbaiki-- setiap kali persembahan kita, permainan kita, kita punya muzik. Kita perbaiki-memperbaiki sampai ke tahap yang kita rasa kita puas hati. Itu cabaran yang abang fikir lah. Abang tak fikir benda-benda lain lah. Macam maksud abang tu - - *missal* [macam] kata abang main drum, “*I want to make sure that* [saya mahu pastikan] aku main baik, bagus dan orang suka dan orang kenal macam mana cara aku main”. Itu cabaran dia. Maknanya itu, kita tidak boleh jadi malas tidak boleh apa. Kita nak berusaha nak kerja keras untuk memperbaiki setiap kali kita buat *performance* [persembahan]. Kita tidak boleh rasa puas hati macam, “Yang ini aku rasa puas hati”, tidak boleh. Macam itulah abang, orang lain abang tidak tahu lah. Jadi setiap kali kita nak meningkatkan persembahan kita, permainan kita, nyanyian kita itu saja. Orang lain abang tidak tahu cara mereka macam mana. (anggukkan kepala).

N.I : Terima kasih Abang Jatt untuk soalan-soalan persepsi ni. Seterusnya saya serahkan kepada Nor Hafizzah semula.

T.A : Okay [baiklah] Terima kasih Izazi, panggil senang la Nur Izazi, Nor Hafizzah (senyum) Ye cik Nor Hafizzah, Puan Nor Hafizzah.

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: PENGALAMAN

N.H : Apakah lagu pertama yang dikeluarkan oleh Abang Jatt ataupun oleh kumpulan Abang Jatt sendiri kalau Abang Jatt masih ingat lagi?

T.A : Dalam album pertama mula-mula '*Black Dog Bone*' dikeluarkan pada tahun 1977 tidak silap saya. Lagu macam '*Bila Rindu*', lagu '*Luka*', '*Lupakan*', itulah yang pertama kali abang merakamkan suara abang dalam piring hitam setelah '*Black Dog Bone*' membuat rakaman. Selalunya di kelab memang abang seorang vokalis, main drum, abang adalah vokalis yang pertama. Tetapi bila di rakaman pun *producer* [penerbit] nak abang nyanyikan banyak lagu daripada rakan-rakan lain. Abang dipilih lah kononya dipilih macam *first vocalist* [vokalis pertama].

N.H : Seterusnya bolehkan Abang Jatt berkongsi dengan kami lagu pertama yang dikeluarkan oleh kumpulan abang Jatt itu menceritakan tentang apa?

T.A : Weh banyak. Ada satu lagu tu tentang-- kebanyakan lagu-lagu yang abang nyanyi dari kumpulan '*Black Dog Bone*' kebanyakan semua lagu-lagu sedih, lagu-lagu *cintan* [cinta]. Cuma ada satu lagu-lagu *joget* [menari] tu pada album pertama tu, berkenaan dengan lagu nasihat tentang--, ini tentang orang bujang apabila kita berada di luar Negeri, kita jangan sombong diri kita, jangan rasa diri kita *megah* [angkuh]. Itu sebagai satu nasihat lah. Tapi kebanyakan lagu-lagu yang dirakamkan album '*Black Dog Bone*' ni abang nyanyikan semua lagu-lagu pasal cinta-cinta, pasal lagu-lagu putus cinta, lagu sedih-sedih kebanyakannya.

N.H : Siapakah penulis dan komposer untuk lagu album pertama untuk kumpulan 'Black Dog Bone'?

T.A : Kebanyakan nya semua macam yang abang kata tadi, saudara S. Atan sebagai *producer* [penerbit] dan juga komposer untuk album '*Black Dog Bone*'. Dialah orang nya, dan kami pada waktu itu kami memang tidak ada masa untuk menulis atau menjadi komposer. Pasal kami sibuk dengan kerja, kerjaya kami di kelab. Jadi saudara S. Atan yang menguruskan segala-galanya. Dia yang tulis dia yang *compose* [mengarang].

N.H : Berapa banyakkah album yang telah dikeluarkan oleh 'Black Dog Bone'?

- T.A : Sebanyak lapan [8] buah album. Lepas lapan [8] buah album tu ‘*Black Dog Bone*’ pun berpecah. Masing-masing mencari haluan sendiri (buat gaya berpecah). Kalau tak silap saya tahun 1983 lah, akhir- akhir tahun itu juga lah [berpecah].
- N.H : Sewaktu berada di dalam kumpulan ‘*Black Dog Bone*’ ini, apakah roles [peranan] Abang sendiri?**
- T. A : Seperti abang cakap tadi, abang punya *roles* [peranan] di dalam kumpulan ‘*Black Dog Bone*’ abang adalah pemain drum dan juga penyanyi utama dalam kumpulan ‘*Black Dog Bone*’. (angguk)
- N.H : Seterusnya, bagi pandangan Abang sendiri bagaimanakah penerimaan masyarakat pada masa dulu terhadap nyanyian rockers ini? Adakah terlalu memberangsangkan?**
- T.A : Oh kalau *you* [awak] nak abang komen benda tu, memang zaman-zaman dulu, rockers ni atau rock ni memang digemari ramai pada zaman dulu. Sama ada di Singapura ataupun di Malaysia. Pasal apa, (berfikir) lagu-lagu rock ni *berenergy* [bertenaga], dia punya kekuatan dekat *energy* [tenaga] dia. Tapi *sorry to say* [maaf cakap] lah, ada yang buat pandangan *serong* [buruk] dengan lagu-lagu rock ni, yang lagu-lagu rock ni -- lari daripada landasan ugama [Agama] lah macam gini kan. Kita *mat rock* [kumpulan rock] ni semua ni tidak ada disiplin diri. Cuma nampak dalam pandangan masyarakat itulah. Tapi bagi saya itu adalah, -- kita tidak boleh menyalahkan ataupun kita tidak boleh mengatakan yang orang menganggap lagu rock ni gini gini gini, pasal mereka punya pandangan mereka sendiri. -- . Tapi sejujurnya saya katakan, lagu-lagu rock ni tidak semestinya memuja *setan* [syaitan] ataupun tidak. Ada lagu-lagu rock yang di *compose* [karang] tentang soal cinta, soal putus asa, soal kehidupan. Kalau kita mengikuti sebenarnya lagu rock ni, tidak semestinya lagu rock ni memuja *setan* [syaitan], tidak. Dia ada kadang-kadang lagu tentang nasihat, tentang pengalaman hidup, dia ada *balance* [seimbang]. Tapi pandangan tidak salah, ini pandangan orang bukan “Ouh lagu-lagu rock ni menyembah *setan* [syaitan] lah

itu lah apa lah” kan. Itu terpulang kepada mereka lah, kita tidak ada cakap apa-apa pun.

N.H : Faham-faham. Pandangan orang masing-masing

T. A : Ya betul, kita tidak boleh paksa dia [orang ramai] suka ke dan dia pun tidak boleh paksa kita untuk suka benda- benda lain. Kita hidup di dunia ini *balance* [seimbang]. Sebab itu kita ada syurga ada neraka, ada baik ada buruk. *Balance* [seimbang]. Kalau dia pandang kita buruk buruklah, kita nak cakap apa. Kalau dia pandang kita baik, baiklah. Tapi kita tahu pada “Diri aku ni tak buruk”. Kekadang kita jangan pandang orang dari luar, kita tidak tahu hati budi dari dalam. Itu orang kata pandang dari luar kotor, tapi dari dalam dia bersih. Kita tidak tahu. Kita pandang orang-orang tu dari luar bersih, tapi kita tidak tahu dalam dia kotor.

N.H : Soalan seterusnya, seperti biasalah kalau mula-mula jadi artis ni mesti kita ada perasaan debaran ke apa kan, boleh tak Abang Jatt ceritakan dengan kami apakah perasaan masa Abang Jatt pertama kali berada di atas pentas dan ditonton oleh orang ramai dan kalau Abang Jatt ada perasaan debaran tu, bagaimana Abang Jatt kawal perasaan itu?

T. A : Memang pada mula-mula bila kita buat satu konsert tu bila kita lihat ramai orang memandang, -- debarannya memang ada. Memang ada debaran dia pasal apa kita macam takut kita tidak dapat memuaskan persembahan kita. Memang ada, siapa cakap tidak ada-- dia tu adalah bohong. Walau macam mana dia bagus sekali pun. Bila kita dapat mengawal balik debaran kita? Bila penonton terhibur. Bila penonton dah *start* [mula] terhibur kita dapat kawal “Wah maknanya dia suka” (tepek tangan) maknanya dia suka persembahan kita, dia suka nyanyian kita. Jadi debaran tu semua dah hilang jadi kita *enjoy on the stage* [seronok di atas pentas], kita buat persembahan lagi baik, kita *happy* [gembira] kan orang-orang yang dekat bawah tu [penonton] orang yang menonton, yang mendengar persembahan kita, nyanyian kita, kita bagi dekat mereka dengan keikhlasan diri kita. Jadi debaran-debaran tu, takut semua sudah tidak ada lagi dah. Memang pada mulanya kalau kita belum mula lagi dekat atas *stage* [pentas] tu kita rasa debaran dia. Takut. Takut apa, takut kita buat persembahan yang tidak baik, takut peminat

tidak suka, tak *happy* [gembira], tak *enjoy* [nikmati]. Tapi bila kita mulakan saja peminat dah “Wahh terpekikik-pekik gembira”, kita pun rasa *happy* [gembira] jadi debaran, takut ke apa dah takde dah. Itu yang paling penting.

N.H : Seterusnya, waktu berada di atas pentas ada tak berlakunya masalah-masalah yang tak terduga dan jika berlaku apakah yang Abang Jatt lakukan waktu itu?

T. A : Memang ada, setiap penyanyi setiap pemuzik akan mengalami benda-benda *gini* [macam ini] bila kita berada di pementasan. Kadang-kadang soal *equipment* [peralatan], kadang *equipment* [peralatan] tak hidup, tiba-tiba benda ni tak hidup, microfon tu tak hidup. Jadi kita tak boleh -- bahasa saya lah, tidak boleh rasa *gabra* [takut]. Gabra tu macam takut lah. Kita kena sesuaikan benda tu dengan adanya *sound man* [orang yang jaga tekninal] di depan datang ke pentas *check* [periksa], apa masalah yang benda ni *takde* [tidak ada] benda tu *takde* [tidak ada]. Memang mesti ada dalam persembahan tu tetap ada masalah dalam segi benda tu kadang-kadang hilang, microfon takde suara. Itu memang tetap ada. Jadi kita tidak boleh *gamar* [takut]--kita harus tenangkan diri kita, kita harus bercakap dengan tenang. Misalnya kita ada penonton di depan, kita akan kata “Minta maaf buat sepuluh [10] minit ke dua puluh [20] minit kami ada masalah teknikal sebentar”. Kita berbual dengan mereka [penonton]. Jadi kita selesaikan masalah itu, dengan cara terbaik kita lah. Jadi penonton akan faham apa yang kita sedang hadapi.

N.H : Kalau diberi peluang untuk berkolaborasi, siapakah artis yang paling Abang Jatt ingin berkolaborasi?

T. A : Orang yang abang nak berkolaborasi ni sudah tidak ada pun, penyanyi dari Barat yang abang minat sangat-sangat. Dia adalah idola abang. Orang tu sudah pun meninggal ataupun sudah *kiok* [mati] lah *mat salleh* [orang English] la kan dari Negara Barat [Amerika]. Dia adalah idola saya, kalau boleh saya nak kolaborasi dengan dia dan nak buat persembahan dengan dia. Tapi tak kesampaian, dia pun *International* [antarabangsa] artis, kita ini cuma berangan-angan saja. -- (ketawa)

N.H : Siapa nama artis luar negara itu kalau tidak keberatan?

T. A : Nama dia Ronnie James Dio. Kalau *you* [awak] cari dekat youtube *you* [awak] cari Ronnie James Dio. Suara dia memang terbaik kau (buat gaya terbaik).

N.H : Kalau tidak keberatan, boleh tak Abang Jatt kongsi dengan kami berapakah bayaran yang Abang Jatt dapat masa menjadi seorang penyanyi waktu ketika dulu?

T. A : Masa mula-mula dulu? Kalau awak nak tahu kesian tau, dulu paling tinggi kalau kita main-main dekat kenduri orang kahwin paling tinggi sepuluh ringgit [RM10] saja. Daripada 12 petang sampai 5 petang, sepuluh ringgit [RM10] saja dapat. Pun kita *happy* [gembira], pasal apa kita suka muzik. *Is a passion* [semangat]. Yang ada tu--, ini cerita betul tau bukan cerita reka. Yang ada tu *just* [hanya] salam je (gaya salam) terima kasih ye, tapi takde duit, kosong. Tapi kita terima saja, itulah zaman dulu.

N.H : Seterusnya kita pergi kepada pengalaman ujibakat, sebelum Abang Jatt bergelar seorang penyanyi, adakah Abang Jatt terlibat dengan sesi uji bakat?

T. A : Memang tidak ada, abang tak pernah masuk ujibakat, tak pernah masuk *talent time* [rancangan ujibakat], apa-apa abang terus saja kerja di kelab malam.

N.H : Kalau penubuhan kumpulan 'Black Dog Bone' pun tidak ada juga ke dia punya uji bakat?

T. A : Tidak ada (gelengkan kepala) memang tidak ada. Kami memang terus menerus, terus kerja kelab malam. Kami tidak masuk uji bakat ke, *talent time* [rancangan ujibakat] ke apa, memang tidak ada.

N.H : Seterusnya soalan mengenai perbezaan lah. Okay (baik) kita nak mintak pandangan Abang Jatt lagi sekali mengenai perbezaan nyanyian waktu dulu dengan sekarang, apa yang Abang Jatt nampak beza dia?

T. A : *Okay* [baik] kalau *you* [awak] nak I [saya] bezakan zaman dulu, zaman dulu *is* [adalah] zaman Analog. Artis-artis zaman dulu buat rakaman-- analog *even* [walaupun] zaman-zaman Allahyarham Tan Sri P.Ramlee pun zaman analog. Bila kita buat rakamam satu sebuah lagu bila kita buat salah kita akan *start* [mula] dari mula lagi, kita tidak boleh macam zaman sekarang boleh *cut* [potong] *and* [dan] *paste* [ganti] tapi zaman dulu tidak boleh. Kita akan buat lagi sekali daripada mula supaya lagu tu akan jadi sedap, dia nak kita sampaikan sebuah lagu jadikan lagu tu sedap, kalau tak sedap kita akan buat dari mula lagi. Perbezaan zaman sekarang lain, mereka boleh *cut* [potong] *and* [dan] *paste* [ganti] macam tak-- bila line ni dia suka kita simpan nanti dia suruh nyanyi lagi dan boleh pilih mana yang sedap dia akan ambik. (gangguan kucing)

N.H : Soalan seterusnya, dari segi sambutan. Adakah Abang Jatt rasa sambutan penyanyi rockers masih tinggi sambutannya pada zaman kini?

T. A : Kalau nak bandingkan memang tidak ada bezanya, zaman dulu dengan zaman sekarang masih-- sambutan untuk rockers ni memang masih kuat lagi, tak ada beza dia--. Terutama sekali bila kita sesuatu konsert tu -- yang datang tengok konsert tu memanglah berduyun-duyun [ramai] cuma sekarang saja lah semenjak PKP [Perintah Kawalan Pergerakan] ni Covid-19 ni memang dah kekurangan langsung -- orang pun tak berani nak tengok konsert ramai ramai kan. Memang takde perbezaan zaman dulu dan sekarang memang sambutan dia -- memang baik sekali.

N.H : Seterusnya soalan mengenai teknologi. Kalau Abang Jatt tengok sekarang teknologi macam-macam ada kan? Abang Jatt rasa teknologi ada bagi kesan tak kepada industri muzik pada zaman kini?

T. A : Kalau nak ikut kan, baik ada teknologi baru ni memang baik sangat pasal apa mereka belajar benda-benda yang baru. Nak *compare* [bandingkan] kan zaman-zaman abang ni kita tak belajar benda baru, kita tetap dengan benda-benda lama, kan? Kita pakai analog, zaman-zaman sekarang ni teknologi zaman sekarang macam-macam mereka boleh belajar *even* [walaupun] mereka boleh buat studio di rumah mereka sendiri. Zaman-zaman dulu kita mana ada, kan. Jadi

keuntungan untuk zaman sekarang, artis-artis, pemuzik zaman sekarang untung kerana teknologi yang ada sekarang ni. Mereka boleh buat rumah jadi studio, mereka boleh buat lagu sendiri dekat rumah dan semuanya dah ada *complete* [lengkap] dan cuma nak keluarkan duit jelah kan pembelanjaan itu je. *So* [jadi] banyak untung lah budak-budak zaman sekarang ni kerana teknologi.

N.H : Apakah perbezaan yang besar mengenai bayaran dulu dan sekarang?

T. A : Kalau *you* [awak] kata perbezaan tentang pembayaran dulu dan sekarang memang banyak beza dia lah. Sekarang lebih banyak lagi bayaran dia *compare* [berbanding] daripada dulu. *Pasal* [sebab] apa dulu bila kita buat persembahan tu setakat *organizer* [penganjur] dia je yang bayar tapi sekarang mereka boleh dapat *sponsor* [tajaan] mereka dapat *funder* [pembiaya] kan. *Misal* [macam] kata mereka nak sebuah kumpulan yang baik lah mereka cari *funder* [pembiaya], *funder* [pembiaya] keluarkan duit macam kata dua ratus ribu [RM200.00] atau tiga ratus ribu [RM300.00] untuk sebuah konsert *so* [jadi] perbezaannya banyak. Zaman dulu kita tidak ada ni semua, kita *organizer* [penganjur] yang buat, *promoter* [penganjur] yang buat dan *promoter* [penganjur] yang ada tu kecil saja. Zaman sekarang mereka boleh cari macam-macam, *funder* [pembiaya], mereka ada mintak *sponsor* [tajaan] itu ini kan. Banyak. Jadi keuntungan pun banyak jugak pada pemuzik-pemuzik ataupun artis-artis zaman sekarang. Dekat situ kelebihan mereka

N.H : Abang Jatt ada terlibat dengan apa-apa lakonan tak?

T. A : Abang pernah terlibat dengan lakonan tapi di Singapura lah tapi taklah-- scene besar, scene kecik-kecik dalam dua [2] shoot tiga [3] shoot saja la. Macam drama-drama muzik ataupun drama-drama *comedy* [lawak] ada jugak lah dua [2] tiga [3] ke empat [4] rancangan atau berlakon di Singapura lah waktu tu. Tak la macam besar-besar sangat (angguk)

N.H : Kalau Abang Jatt masih ingat, apakah tajuk drama-drama yang Abang lakonkan masa tu?

T. A : Alamak tak boleh ingat langsung lah (ketawa)

N.H : Bagaimana Abang Jatt boleh terlibat dengan lakonan tu? Walaupun sekejap macam mana boleh terlibat?

T. A : *Director* (pengarah) yang telefon, ataupun *producer* [penerbit] yang *call* [panggil] dia cakap “Abang saya gini gini saya dari ni ini-- saya nak panggil abang berlakon, boleh tak?” abang cakap. “Boleh, cerita apa? Abang usik dia “Cerita hantu ke?” dia jawab “Tak bang ini cerita comedy (kelakar)” abang terus jawab “Boleh boleh boleh”. Jadi abang dapat lah dalam dua [2] tiga [3] scene tu okay lah. Jadi abang ambik berlakon tu sebagai kerja abang bebas, santai je. Dia suruh abang baca skrip tu, skrip tu sebenarnya macam-- (berfikir) abang tak payah ikut sangat skrip tu, *just* [cuma] tengok dan abang boleh *act lead* [bertindak] lah abang boleh-- macam gitulah [bertindak mengikut skrip]

N.H : Masa abang terlibat dengan lakonan tu ada ke orang yang bawa abang masuk dalam bidang tu atau memang *director* (pengarah) tu sendiri yang call?

T. A : *Director* [pengarah] sendiri dengan *producer* [penerbit] yang *company* [syarikat] tu telefon abang. Abang cakap “Boleh no problem (tiada masalah)” pasal apa abang cakap kalau setakat dua [2] tiga [3] scene *no problem* [tiada masalah] lah kan tapi bayaran dia *ciput* [sikit] jelah kita ni bukan pelakon yang baik kita ni cuma kata orang tu *just* [cuma] masukan je benda ni kan. Tapi *enjoy* [nikmati] lah sekali-kali berlakon ni cuma tak sanggup nak tunggu waktu dia lah penat.

N.H : Kalau ada lah, siapakah pelakon yang rapat dengan Abang Jatt?

T. A : *So far* [setakat ini] takdelah yang rapat -- kenapa, pasal apa saya jarang bergaul dengan pelakon-pelakon lah, jarang. Kalau nak cakap rapat tak rapat lah cuma kalau terjumpa Dato’ Awie kita berbual juga lah, dia pun penyanyi dan juga pelakon kan. Kalau macam rapat memang tidak ada lah.

N.H : Seterusnya soalan tentang pengalaman, kalau tadi kami tanya pasal sebelum jadi penyanyi kan? Jadi sekarang kami ingin tahu macam mana kehidupan Abang Jatt selepas bergelar seorang penyanyi?

T. A : Ohh walaupun abang bukan seorang penyanyi ke apa memang abang-- tadi abang dah pernah cakap yang abang ni suka berkawan. Abang suka berkawan, tak kira siapa lah tak kira dia tu ada status ke tidak -- abang memang suka berkawan sehinggalah abang jadi seorang penyanyi pun abang tidak ada -- nak asingkan diri abang macam “Ouh aku dah jadi penyanyi sekarang, aku taknak campur dengan orang macam gini macam tu” tidak ada--. Abang tidak memilih, abang punya perangai abang suka berkawan sama ada kau kaya ke miskin ke apa ke status kau tinggi ke rendah ke abang pandang sama je. Bagi abang mereka tu sama je, abang fikir mereka pun manusia abang pun manusia tidak ada macam nak beza-bezakan.

N.H : Seterusnya nak tanya mengenai peminat. Abang Jatt mesti ada peminat kan dari dulu sampai sekarang kan? Jadi Abang Jatt ada tak pengalaman pahit dan manis bersama peminat Abang Jatt?

T. A : Kalau soal pengalaman pahit dengan peminat memang tidak adalah tapi kalau terkejut tu memang adalah. Terkejut tu maksudnya bila abang buat persembahan di pementasan tu tiba-tiba peminat ni naik atas pentas, perempuan lah. Tengah sedap main muzik main drum tiba-tiba dia datang dia cium pipi abang. Itu lah yang terkejutnya lah. Tapi untuk pengalaman macam benda-benda lain memang takde lah. *So far* [setakat ini] Alhamdulillah peminat-peminat dulu sampai sekarang memang Alhamdulillah dan saya rasa peminat-peminat saya pun dah berumur macam saya jugak laa yang masih mengikuti perkembangan saya macam umur saya juga lah. Mereka mesti ada nostalgia mereka sendiri dengan lagu-lagu yang mereka *favourite* [gemari].

N.H : Sepanjang abang berada dalam industri nyanyian ni, pernah tak abang bergandingan dengan mana-mana penyanyi yang sama hebat dengan abang dulu? Kalau ada, boleh tak ceritakan pengalaman tu macam mana? Perasaan dia ke?

T. A : Abang tak pernah buat perjanjian dengan dengan mana-mana penyanyi cuma abang buat perjanjian pada diri abang sendiri, abang berjanji pada diri abang sendiri yang abang akan buktikan kepada orang-orang yang pernah dulu -- masa

abang budak-budak dulu pernah macam mengutuk abang cakap “Sudahlah kau main muzik macam angan-angan tahik ayam” dia mengutuk abang. Dia -- tidak beri kita *support* [sokongan] dia kutuk kita lagi ada. Dia kata “Tak kemana lah kau main muzik tu” jadi kat situ abang bertekad abang pegang kata-kata dia, abang cakap pada dia abang “Aku akan buktikan pada kau suatu hari aku akan berjaya dalam bidang muzik”. Jadi alhamdulillah abang dah buktikan abang dah berjaya dan abang telah pun menjadi seorang artis. Alhamdulillah, itu yang abang punya tekad tapi untuk nak buktikan kepada artis-artis lain tidak ada. Abang buktikan kepada orang yang pernah mengutuk abang pada waktu tu

N.H : Seterusnya ada tak Abang Jatt berkolaborasi dengan artis-artis lain selain ahli kumpulan Abang Jatt sendiri?

T. A : Ada, abang pernah (anggukkan kepala) berkolaborasi dengan Ziana Zain, dengan -- Ning Baizura. Kita buat satu album ‘Walt Disney’ waktu itu *under* [dibawah] Polygram kalau tak silap label dia. Waktu tu abang duduk di KL [Kuala Lumpur] zaman tu- tapi lagu English lah saya berduet dengan Ziana Zain dengan Ning Baizura. Itu yang abang ingat lah.

N.H : Abang Jatt ada join (menyertai) Gegar Vaganza kan? Boleh tak Abang Jatt ceritakan sikit pengalaman semasa menyertai Gegar Vaganza waktu tu?

T. A : Pengalaman ‘*Gegar Vaganza*’ tu memang -- *stress* [tertekan]. Terus terang saya katakan, seperti mana abang katakan abang tak pernah masuk apa-apa anjuran macam ujibakat apa kan. Ini ‘*Gegar Vaganza*’ adalah yang pertama kali abang memasuki. Pertandingan ujibakat ke ataupun talent time ke apa ke memang abang tidak pernah *join* [sertai]. Jadi memang sepanjang perjalanan ‘*Gegar Vaganza*’ pada tahun 2019 tu memang *stress* [tertekan] tetapi satu *experiment* [ujikaji] ataupun *experience* [pengalaman] bagi diri abang. Abang *stress* [tertekan] pun ya tapi abang rasa *happy* [gembira] pun ya kerana abang dapat melangkah sejauh mana bakat yang ada yang abang dapat-- walaupun waktu tu abang *join* [sertai] ‘*Gegar Vaganza*’ umur abang dah enam puluh tiga [63] tahun dan abang berlawan dengan anak-anak muda lagi kan Jadi dekat situ *experience* [pengalaman] dia ada. Tapi bagi abang tu satu kelebihan lah untuk abang-- yang

make sure [pastikan] abang jaga kesihatan abang adalah isteri abang yang akan pastikan abang sihat sepanjang dalam ‘*Gegar Vaganza*’

N.H : Dalam kehidupan kita ni mesti ada kenangan pahit dan manis kan? Jadi kami ingin tahu apakah liku-liku kehidupan Abang Jatt yang tak boleh lupakan sampai sekarang ni?

T. A : Liku-liku sebagai seorang pemuzik atau penyanyi memang ada, *okay* [baik] seperti mana waktu tu ‘*Black Dog Bone*’ sedang membuat persembahan di Negara Taiwan, itu liku-liku yang paling pahit lah bagi abang. Pasal apa pahit tu sebab kita susah mencari makanan-makanan halal pada waktu tu di Taiwan. Sepanjang tiga [3] bulan kami di Taiwan, abang makan maggie mi saja tak makan benda-benda lain *pasal* [sebab] apa benda-benda lain tak halal. Jadi abang makan Maggie mi ataupun tofufa atau tauhe. Sepanjang tiga [3] bulan tu. Itu lah pengalaman pahit yang kita dapat rasakan lah sebab makanan, tapi saya rasa Taiwan pun dah ada banyak lah makanan-makanan halal. Waktu tu zaman ‘*Black Dog Bone*’ tahun tujuh puluh sembilan (1979) tak silap saya waktu tu. Itu yang paling perit sekali lah sampaikan abang cuba masak nasi goreng sendiri sampai hangus, hanguslaa nak hidup. Makan saja lah kan itulah pengalaman

N.H : Ada tak kenangan-kenangan pahit dengan penyanyi-penyanyi lain yang pernah Abang Jatt bekerjasama?

T. A : *So far* [setakat ini] Alhamdulillah tidak ada lah kenangan pahit, pasal apa seperti abang kata abang ni *happy go lucky* [ceria] kemana-mana abang pergi abang suka dan *happy* [gembira] tak kira la kau penyanyi apa pun abang tetap berkawan. Ceria selalu takde kenangan-kenangan pahit, tidak ada nak musuh-musuh ataupun kita nak mengutuk-ngutuk antara sesama memang tidak ada, abang memang tidak ada sikap macam itu.

N.H : Apakah kenangan paling manis dalam hidup Abang Jatt, yang Abang Jatt tak boleh lupa?

T. A : Kenangan manis ye? (menyanyi). Kenangan manis tu bagi abang kita dapat *travel* [melancong] kemana-mana luar negara, itulah kenangan-kenangan manis. Sebab apa kita kalau tidak menjadi seorang pemuzik kita tak mampu nak *travel*

[melancong] ke luar negara, pembelanjaan tinggi kan. Jadi dengan seorang pemuzik ni kita dapat *offer* [tawaran] bekerja sampaikan '*Black Dog Bone*' pernah bekerja di luar negara seperti di Holland, di Taiwan jadi disitu kenangan manis dia banyak. "Wow tak sangka yang dengan muzik kita dapat menjelajah ke negara orang kita dapat menunjukkan kebolehan dan kemampuan seni yang ada pada diri kita". Itu kenangan yang paling manis yang abang takkan lupakan. Kalau kita orang biasa susah kalau nak pergi ke luar negeri kalau takde *wang* [duit] macam mana nak pergi kan? Dengan muzik kita dapat tunjukkan bakat kita ke luar negara (senyum) itu yang paling *best* [seronok] (sambil menunjukkan ibu jari)

N.H : Masa Abang Jatt seorang remaja macam kami ni kan, ada tak pengalaman manis yang Abang Jatt rasa benda tu patut disimpan sampai sekarang?

T. A : Zaman remaja abang dah tak macam *you all* [kamu berdua] la, *you all* [kamu berdua] *study* [belajar] kena buat itu kena kedebak kedebuk [berusaha] tu kan. Zaman remaja abang *all the way* [sepanjang jalan] muzik je. Abang *start* [mula] main muzik masa abang mula kerja di kelab malam. Umur abang sembilan belas [19] tahun abang dah kerja di kelab malam jadi abang punya kehidupan tu di kelab saja. Kerja pukul lapan [8] malam balik pukul tujuh [7] pagi, bangun jadi pemuzik, pergi kerja, muzik, kerja-- itu saja. remaja abang tak macam *you all* [kamu berdua] kesana, kesana belajar kan, abang *more to* [lebih kepada] muzik sahaja pada zaman remaja abang.

N.H : Seterusnya nak tanya pasal kenangan manis bersama penyanyi-penyanyi yang Abang Jatt pernah bergandingan, kalau Abang Jatt sudi berkongsi dengan kami apa kenangan manis Abang Jatt lalui dengan artis-artis lain?

T. A : Kenangan manis dengan artis-artis lain, abang rasa tidak ada lah. Macam nak cakap kenangan manis tu, masa buat rakaman dengan Ziana Zain dengan Ning Baizura jelah di studio yang mana kita dapat bertukar-tukar fikiran, tentang nyanyian, cara macam mana macam ni-- itu saja lah bagi abang untuk kenangan-kenangan manis abang. Apa-apa Alhamdulillah abang terpilih pada waktu tu untuk album 'Walt Disney' bersama dengan yelah penyanyi yang hebat seperti Ziana Zain, Ning Baizura kan, jadi abang rasa macam *happy* [gembira] sangat

lah abang dipilih untuk bersama-sama dengan mereka. Itulah kenangan manis untuk abang.

N.H : Macam mana pulak dengan ahli kumpulan ‘Black Dog Bone’ tu sendiri, apakah kenangan manis yang ada sampai sekarang ni?

T. A : Black Dog Bone? Eh banyak kenangan manis dengan ‘Black Dog Bone’. Sampai menangis-nangis pun ada, selalu gaduh pun ada (ketawa). Kenangan manis dengan ‘Black Dog Bone’, kita ni semua ni seperti mana orang kata kita ni memang 100% muzik, kita berusaha terus-menerus untuk membuat persembahan sebaik mana yang mungkin boleh buat 100% kita *practice* [berlatih]. Dan kenangan manis tulah kita dapat *travel* [melancong] sama-sama, kita *happy* [gembira] sama-sama, kita susah sama-sama. Susah sama-sama tu macam kita berjauhan dengan *family* [keluarga] jadi kita enam [6] orang jadi bila kita berjauhan rasa macam susah ataupun rindu jadi kita dengan rakan-rakan yang lain hiburan satu sama lain untuk menghilangkan rasa risau atau rindu pada *family* [keluarga] waktu kita tengah *travel* [melancong] tu. Itulah kenangan manis waktu tulah (senyum).

N.I : Soalan seterusnya tentang perkembangan Abang Jatt. Adakah Abang Jatt masih aktif dalam bidang nyanyian?

T. A : Ya (angguk) abang masih aktif sampai sekarang, cuma zaman Covid la PKP [perintah kawalah pergerakan] yang dua [2] tahun ni abang terpaksa duduk rumah saja lah tidak ada apa-apa nak buat. Cuma baru-baru ni--, abang dijemput, diundang untuk satu majlis *reunion* [perjumpaan semula] Anak-Anak Seni Johor dan juga satu majlis yang baru lepas ni untuk buat satu, -- Dana Buskin untuk anak-anak seni dari kumpulan ‘Blackwall’ yang sedang menghidap penyakit kanser. Itu saja lah.

N. I : Selain menyanyi adakah Abang Jatt pernah melibatkan diri dalam apa-apa jenis rancangan TV (telivisyen)?

T. A : Selain daripada menyanyi itulah tadi yang si Hafizzah tanya tentang lakonan saja lah. Selain daripada tu, ada juga orang yang mengundang saya sebagai seorang juri di Singapura sebagai juri sebuah rancangan dan juga mengikuti satu

rancangan di Singapura juga di Radio, TV [televisyen] di Singapura *game show* [rancangan permainan].

N. I : *Game show* [rancangan permainan] apa tu Abang Jatt kalau boleh kongsikan

T. A : *Game show* [rancangan permainan], kadang-kadang *game show* [rancangan permainan] tentang muzik, kadang-kadang tentang kehidupan. Nanti mereka buat *game* [permainan] tu, nanti akan ada soalan nanti kita buat lah apa yang soalan-soalan dia minta dan kita kena lakukan benda tulah [itulah], begitulah.

N. I : Selain dari bidang nyanyian, apakah sumber rezeki Abang Jatt selain daripada seni? Contohnya Abang Jatt buat *business* [perniagaan] ke?

T. A : (memandang ke atas) Abang memang tidak ada lah sumber-sumber lain selain daripada nyanyian. Abang daripada mula sampai sekarang pencarian abang hanyalah tentang muzik dan juga yang baru-baru ni abang dan juga anak-anak abang di Singapura -- kita sebagai stokis di Singapura susu 'Farm Fresh'. "Ini barulah susu segar" (melakonkan tagline susu 'Farm Fresh')

N. I : Okay macam mana Abang tercetusnya nak sertai stokis itu?

T. A : Bermula puncanya begini, masa GV [Gegar Vaganza] tu kan 'Farm Fresh' kan ada *sponsor* [taja], *so* [jadi] anak abang ni dia berminat untuk beli satu ekor lembu. *So* [jadi] abang jumpa dengan Bos Azmi 'Farm Fresh'. Saya ceritakan dengan Bos Azmi tentang keinginan anak abang tu kan yang *laki-laki* [lelaki] di Singapura. Jadi Bos Azmi cakap "Buat apa nak beli lembu susah nak jaga nak itu nak ini. Apa kata kalau anak abang jadi stokis 'Farm Fresh' di Singapura". Jadi abang fikir baik juga sebab Singapura pun tidak ada 'Farm Fresh', cuma dekat Malaysia saja kan. Jadi bila tu abang bincang dengan anak abang, jadi anak abang *agree* [setuju], lepas anak abang sudah *agree* [setuju] jadi abang bagi *contact number* [nombor telefon] Bos susu Cik Azmi untuk berhubung dengan Cik Azmi lalu mereka pun sudah berhubung jadi masing-masing sudah ada *agreement* [perjanjian] jadi di situlah mulanya stokis 'Farm Fresh' di Singapura sehinggalah sekarang.

N. I : Sejauh manakah abang rasa stokis, dalam penglibatan abang dengan anak-anak abang dalam stokis ‘Farm Fresh’ itu membantu dalam hidup, dalam kehidupan abang Jatt?

T. A : *So far* [setakat ini] Alhamdulillah dengan adanya ‘Farm Fresh’ SG [susu segar] ini ataupun stokis dekat Singapura, kata orang tu -- sedikit banyak dapat membantu abang punya *financial* [kewangan] lah kerana abang pun sudah kekurangan *show* [pertunjukan] semenjak dua [2] tahun ni kan. Jadi dengan adanya ‘Farm Fresh’ dapat lah kata orang tu sedikit sebanyak membantu abang zaman-zaman Covid-19 inilah. Alhamdulillah. Jadi dengan adanya ‘Farm Fresh’ daripada anak-anak abang tu, kata orang tu bersyukur sangat lah (menganggukan kepala) bersyukur sangat lah.

N. I : Adakah pandemik Covid-19 yang melanda negara kita ini menjejaskan Abang punya perniagaan sebagai stokis tu?

T. A : Pada mulanya sedikit, sejak Covid-19 -- memang ada jejas perniagaan ‘Farm Fresh’ di Singapura, tapi nampaknya baru-baru ni sudah Alhamdulillah bermula balik lah -- *business* [perniagaan] tu naik balik sikit demi sikit Alhamdulillah. Pasal pada zaman Covid-19 -- banyak orang tidak boleh keluar, tidak boleh apa. Jadi bila barang-barang daripada Malaysia nak hantar ke *Singapore* [Singapura] pun jadi masalah. Kan ada benda-benda yang itu tidak boleh ini tidak boleh kan. Jadi memang ada dia punya kesan dia lah pada waktu Covid-19 tu memang ada *business* [perniagaan] tu agak kurang sikit lah. Tapi Alhamdulillah sejak kebelakangan ini, ada kebaikan dia lah dan dapat bertahan lah Alhamdulillah dapat bertahan.

N. I : Apa yang Abang Jatt lakukan untuk menaikkan perniagaan Abang Jatt bersama anak-anak Abang Jatt tu?

T. A : Okay, kalau *you* [awak] tanya I [saya] banyak-banyak memang kita tidak banyak lakukan pasal kita di Johor mereka [anak-anak] di Singapura, tapi kita hanya dapat membantukan macam kita *share* [berkongsi] post-post tentang ‘Farm Fresh’, kita *share* [kongsi] dan kita buat sedikit *caption* [kapitasi] ataupun *review* [ulasan], itu saja yang membantu dari Johor dan yang dari Singapura tu anak

abang yang banyak menguruskan lah dengan dia punya *home dealers- home dealers* [peniaga dari rumah] macam tu dan juga kadang-kadang Cik Azmi pun ada *meeting* [mesyuarat] dengan anak-anak abang secara *live* [langsung] atau secara macam ini [google meet] tentang *business* [perniagaan] macam mana kita nak perbaiki diri aku. Jadi Alhamdulillah abang semua dengan isteri abang dapat membantu dekat dari Johor ni dengan *sharing* [berkongsi] post-post tentang 'Farm Fresh', itu saja.

N.I : Seterusnya soalan tentang anugerah dan pengiktirafan. Apakah anugerah yang pernah Abang Jatt perolehi sepanjang berada dalam bidang nyanyian?

T. A : *So far* [setakat ini] Alhamdulillah anugerah yang kita dapat ialah dengan '*Black Dog Bone*' kalau tidak silap tiga [3] ke empat [4] tahun yang lalu, *Achievement Awards* [anugerah pencapaian] orang panggil di Singapura. Itu saja lah yang lain memang tidak ada lah. Abang tidak dapat mana-mana anugerah

N. I : Seterusnya tentang gelaran Abang Jatt macam kita tahu Abang Jatt dikenali sebagai Jatt Tahir. Adakah ada selain daripada Jatt Tahir ada gelaran lain untuk Abang Jatt?

T. A : Ada. Kalau tidak keterlaluan la bukan nak mengatakan, nak mintak maaf pada orang-orang dekat luar sana bukan saya nak mengada-ngada kan. Saya dapat *jolokan* [gelaran] Dio Malaya. Macam seperti saya kata tadi James Dio [Ronnie James Dio] kan. Saya dapat *jolokan* [gelaran] Dio Malaya atau Dio Singapura. Itulah yang saya dapat. Tapi bagi saya itu hanyalah *title* [gelaran] saja tidak ada apa-apa. Itu adalah peminat yang bagi *title* [panggilan] itu dan *jolokan* [gelaran]. Alhamdulillah lah. Saya tidak pernah macam rasa bangga atau meminta-minta "Kau panggil aku macam ini" tidak ada. Peminat yang kasi [bagi] gelaran itu, bukan saya.

N: I : Agak-agak kalau Abang Jatt ingat pada tahun bilakah Abang Jatt dapat gelaran itu?

T. A : Ouhh (memandang ke atas sambil berfikir) dalam sepuluh [10] tahun yang lalu.

N. I : Kalau Abang Jatt ingat juga, macam mana terjadi gelaran tersebut dan macam mana punca dari gelaran itu?

T.A : Pasal abang banyak nyanyikan lagu-lagu dia [Ronnie James Dio] masa tu di kelab. Ini bukan '*Black Dog Bone*' ini dari kelab lain ni dah *area* [kawasan] lain. *Pasal* [sebab] abang dekat kelab tu, abang nyanyikan lagu-lagu dia [Ronnie James Dio] jadi abang punya suara mirip macam dia [Ronnie James Dio]. *So* [jadi] di situ lah datangnya atau dapat gelaran seperti yang diberikan pada saya itu.

N. I : Sepanjang abang jadi penyanyi, abang ada dapat sebarang pengiktirafan tak? Selain daripada anugerah, iktiraf?

T. A : Tidak ada lah. (gelengkan kepala) Anugerah tidak ada pengiktirafan juga tidak ada (menggelengkan kepala)

N. I : Sepanjang menjadi penyanyi dalam industri Malaysia, apakah sumbangan yang telah diberi kepada industri muzik Malaysia ini?

T. A : *So far* [setakat ini] belum ada apa-apa sumbangan la yang saya terima daripada industri muzik dan baru-baru ini saya baru saja join RTM [Radio Televisyen Malaysia]. Apa orang panggil (cuba ingat balik) "Non is it RTM?" (tanya isterinya). 'Rise Performing Malaysia', abang baru saja *join* [sertai] jadi InShaaAllah mudah-mudahan dengan adanya -- mungkin dapat membantu abang demi sedikit lah tentang abang punya perjalanan dalam kehidupan abang. Mudah-mudahan.

N. I : Seterusnya adakah Abang Jatt pernah melibatkan diri dalam penulisan lirik ataupun lagu-lagu untuk artis lain?

T. A : Tidak ada. *So far* [setakat ini] tidak ada. Abang cuma terlibat satu [1] dua [2] lagu, macam lirik abang buat sendiri dan satu [1] dua [2] tiga [3] artis sahaja lah abang *compose* [mengarang] untuk mereka. Tapi lagu itu tidak lah begitu baik sangat macam orang pun tidak kenal sangat. Cuma abang dapat bantu tiga [3] lagu saja lah.

N. I : Apakah sumbangan Abang Jatt kepada masyarakat yang Abang Jatt pernah terlibat?

T. A : Baru-baru ni masa zaman PKP [perintah kawalan pergerakan] ni, abang terlibat dengan 'IRAMA' daripada 'IRAMA' -- (cuba ingat kembali) saya juga lupa dengan 'We Are One', kita *berinfaq* [bersedekah] dengan orang-orang yang memerlukan dari Johor Bharu. Kalau tidak silap saya tiga [3] atau empat [4] bulan yang lalu. Itu saja yang saya dapat dan baru-baru ini juga saya rasa kesian juga la pada teman-teman yang terkena banjir. Tapi saya tidak dapat bergabung dengan siapa-siapa, Johor juga hujan tidak boleh melalui Johor pergi ke Malaysia, pergi ke KL [Kuala Lumpur] ke mana-mana. Jadi itu saja lah yang abang dapat lakukan masa zaman-zaman PKP [perintah kawalan pergerakan] tu, bantu mereka dengan beri mereka makanan dengan 'IRAMA' muzik juga dengan 'We Are One'.

N. I : Sebelum ini adakah Abang Jatt pernah melibatkan diri dalam sebarang program kemasyarakatan?

T. A : Belum-belum. Tidak ada, tidak pernah. Cuma yang itulah yang abang dikatakan tadi, mereka dari Kuala Lumpur telefon abang untuk *join* [sertai] dengan mereka bagi *infaq* [sedekah] ataupun makanan untuk orang yang memerlukan lah.

N. I : Seterusnya soalan tentang harapan, apakah harapan Abang Jatt dalam industri muzik Malaysia pada hari ini?

T. A : Harapan saya mudah-mudahan PKP [perintah kawalan pergerakan] ni cepat habis lah. Satu, dan harapan saya kepada industri muzik di Malaysia ini dapat berkembang lagi dapat mengeluarkan lagi bakat-bakat baru yang betul-betul berprestasi, berkalibar, dan juga komposer-komposer baru dengan lagu-lagu mereka yang berkualiti. Itulah harapan abang

N. I : Apakah ada sebarang perancangan oleh Abang Jatt dalam bidang nyanyian pada masa hadapan?

T. A : Masa hadapan ni abang tidak ada apa-apa lagi lah, abang sekarang dengan isteri, kami sedang berfikir kami nak *retire* [bersara] lah kami nak berehat. Mungkin

kalau ada pun sedikit-sedikit *event* [majlis] kami pergi lah kalau untuk membuat perancangan, -- abang pun berumur masa kita pun sudah habis. Tapi perancangan abang sekarang abang buat ‘Jatt Ali Official YouTube Channel’. Tadi abang cakap Hafizzah jangan lupa tau *share* [kongsi], *like* [suka] dan *subscribe* [mengikuti]. Janji abang apa, nanti nak tolong abang tu saja abang sekarang. Isteri abang akan bantu abang buat benda ni lah. Tapi *so far* [setakat ini] Alhamdulillah dah masuk lima ratus [500] lebih *subscriber* [mengikuti] Alhamdulillah.

N. I : Alhamdulillah. Seterusnya apakah ada sesuatu impian Abang Jatt yang belum tercapai lagi sepanjang Abang Jatt jadi penyanyi?

T. A : Ada! Impian abang yang belum tercapai itulah abang nak buat satu konsert dekat London. Dekat tempat Dato’ Siti Nurhaliza buat tu itulah “Apa Albert?” (bertanyakan isterinya). ‘Royal Albert’ [Royal Albert Hall, London]. Tapi tidak kesampaian. Itulah abang punya cita-cita daripada dulu sampai sekarang. “Aku nak buat satu big konsert dekat London dan berkolaborasi dengan penyanyi yang abang cakap tadi tu [Ronnie James Dio] itulah dia”. Tapi tidak kesampaian. Tapi itu semua Tuhan yang mengatur perjalanan hidup kita, tidak mengapa abang takkan rasa macam kecewa, tidak lah. Ada, ada lah itu saja.

N. I : InShaaAllah Aamiin. Apakah harapan Abang Jatt kepada masyarakat tentang bidang muzik ini? Masyarakat Malaysia.

T. A : Harapan abang pada masyarakat tentang muzik di Malaysia ni, tapi saya rasa memang banyak perubahan. Banyak perubahan, zaman dulu orang-orang dengan muzik ni mintak maaf ye bukan nak mengata. Orang-orang dari kampung kan, tapi sekarang pun dari kampung pun dengan orang bandar, jadi perubahan dia banyak. Mereka boleh memilih banyak genre sekarang. Macam dulu mereka pilih minta lagu *joget-joget* [menari], lagu dangdut jadi sekarang sudah macam-macam *very varieties* [sangat pelbagai]. Jadi mereka boleh memilih, mereka suka artis baru ni, mereka suka artis lama ni. Jadi satu -- (sambil berfikir) kebaikan lah untuk industri muzik Malaysia ni. Tidak macam dulu, dulu mereka kalau suka satu orang artis tu, artis tu saja. Sekarang mereka sudah meriah (sambil buat

gaya meriah). Mereka akan suka artis ni dan artis ni walaupun dia muda tapi mereka suka.

N. I : Seterusnya soalan terakhir, apakah harapan Abang Jatt terhadap industri muzik ketika pandemik Covid-19 ini?

T. A : Itulah abang punya harapan biarlah *Covid* [Covid-19] ini cepat-cepat habis, cepat-cepat selesai dan kita dapat mula berkarya lagi. Dapat bersama dengan peminat-peminat kita, membuat persembahan dan dapat berjumpa dengan artis-artis, teman-teman artis yang lain. Itu saja harapan abang, harapan abang itu saja (gaya merayu) *Covid* [Covid-19] selesai. Ini sekarang sudah macam-macam *Omicron* [virus] pula. Nasib baik bukan Ultraman (ketawa) dengar-dengar-- kata mungkin mereka nak PKP [perintah kawalan pergerakan] lagi. Wallahuallah yang tu. Itulah harapan abang itu saja lah PKP [perintah kawalan pergerakan] ni bersihkan PKP [perintah kawalan pergerakan] clear, jadi artis-artis dapat berkarya balik, dapat buat konsert, buat *show* [persembahan] sana buat *show* [persembahan] sini dan kita dapat bergabung, dapat berjumpa satu sama lain lagi. Tidak payah pakai *mask* [penutup muka], pakai *mask* [penutup muka] ni kan rimas kan? (buat gaya pakai mask) harapan “Harapan setinggi gunung” (menyanyi) itu saja lah. Memang harapan setinggi gunung.

Terima kasih. Dengan ini tamatlah sesi temu bual mengenai pengalaman dan sumbangan Encik Tahir Ali sepanjang menjadi seorang penyanyi dan juga vokalis kumpulan terkenal ‘Black Dog Bone’ di industry muzik Malaysia. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh Encik Tahir Ali dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil tembual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dan dalam bidang nyanyian muzik di Malaysia. Sekian Terima Kasih

6.0 LOG TEMUBUAL

LOG	TOPIK	
00.01:24- 00.17:35	Latar Belakang	<ul style="list-style-type: none"> • Nama sebenar Tahir Bin Ali • Dilahirkan di Singapura • Mendapat gelaran Jatt kerana neneknya minat dengan seorang penyanyi yang bernama Rohaizad • Minat muzik sejak umur 10 tahun • Seorang yang sentiasa ceria
00.17:54- 00.23:45	Keluarga	<ul style="list-style-type: none"> • Nama bapa beliau ialah Haji Ali Bin Sabijan • Ibunya Bernama Hajah Zainah Binti Maon • Bapa sudah meninggal dan ibunya masih sihat dan berumur 90 tahun • Bapa bekerja sebagai seorang pemandu • Mempunyai 5 orang adik-beradik iaitu 2 perempuan 3 lelaki. • Mempunyai 3 orang anak
00.24:06- 00.34:35	Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> • Bersekolah di sekolah rendah yang bernama Seraya Primary School di Singapura • Pernah memegang jawatan sebagai seorang ketua kelas semasa di sekolah rendah • Bersekolah di sekolah menengah yang bernama Maju Secondary School dan mengambil aliran English

00.35:01- 00.40:08	Pilihan kerjaya	<ul style="list-style-type: none"> • Mula bergiat aktif dalam bidang nyanyian selepas mendapat tawaran untuk bekerja dengan Black Dog Bone di kelab malam. • Sudah 50 lebih tahun terlibat dalam bidang nyanyian. • Menjadikan penyanyi-penyanyi daripada luar negara sebagai inspirasi sepanjang berada dalam bidang nyanyian ini.
00.40:25- 00.52:03	Pendapat/persepsi	<ul style="list-style-type: none"> • Zaman-zaman dulu zaman Pop Yeh Yeh • Sesiapa yang ingin menjadi pemuzik dia harus bekerja keras • Zaman sekarang boleh campurkan bahasa Melayu dengan English dalam satu lagu, zaman dulu tidak boleh.
00.53:30- 1.04:51	Pengalaman awal (Nyanyian)	<ul style="list-style-type: none"> • Penerimaan orang zaman dahulu terhadap rockers sangat memberangsangkan walaupun ada juga yang memandang serong terhadap nyanyian ini. • Debaran semasa berada di atas pentas dapat dikawal dengan mendengar jeritan daripada peminat.
1.05:55- 1.10:54	Perbezaan	<ul style="list-style-type: none"> • Perbezaan zaman dulu adalah zaman Analog mereka terus menerus menyanyi tapi zaman sekarang mereka boleh cut and paste lagu tersebut. • Perbezaan sambutan untuk nyanyian rockers masih sama seperti dulu. • Banyak perbezaan mengenai bayaran pada zaman dulu dengan zaman sekarang.
1.11:00- 1.14:01	Pengalaman awal (Drama/lakonan)	<ul style="list-style-type: none"> • Pernah terlibat dengan lakonan di Singapura dalam drama komedi.

1.14:17- 1.20:05	Pengalaman	<ul style="list-style-type: none"> • Pengalaman terkejut dengan peminat yang tiba-tiba naik ke pentas dan mencium pipi. • Pernah berkolaborasi dengan Ziana Zain dan Ning Baizura • Pengalaman paling mememnatkan ialah sepanjang berada dalam Gegar Vaganza.
1.20:17- 1.22:59	Kenangan Pahit	<ul style="list-style-type: none"> • Tiga bulan berada di Taiwan hanya makan maggi atau Tofufa sahaja kerana susah mendapatkan makanan yang halal di sana.
1.23:05- 1.27:54	Kenangan Manis	<ul style="list-style-type: none"> • Dapat melancong ke mana-mana luar negara. • Kenangan manis iaitu ketika bergandingan dengan penyanyi terkenal iaitu Ziana Zain dan Ning Baizura. • Kenangan manis bersama ahli kumpulan Black Dog Bone
1.28:10- 1.29:57	Perkembangan	<ul style="list-style-type: none"> • Masih aktif dalam bidang nyanyian cuma terpaksa diperlahankan kerana PKP. • Pernah menjadi juri di Singapura
1.29:58- 1.34:43	Kerjaya lain	<ul style="list-style-type: none"> • Menjadi stokis Farm Fresh bersama anak-anak
1.34:49- 1.37:04	Anugerah/Pengiktirafan	<ul style="list-style-type: none"> • Mendapat Achievement Awards Ketika bersama dengan Black Dog Bone. • Mendapat gelaran sebagai Dio Malaya kerana suara seakan-akan penyanyi luar negara iaitu Ronnie James Dio.
1.37:08- 1.39:58	Sumbangan	<ul style="list-style-type: none"> • Memberi sumbangan kepada mangsa-mangsa banjir
1.40:00- 1.45:33	Harapan	<ul style="list-style-type: none"> • Harapan agar industri muzik Malaysia dapat berkembang lagi dan dapat mengeluarkan bakat-bakat baru.

		<ul style="list-style-type: none">• Covid cepat habis supaya arti-artis dapat berkarya kembali dengan bebas serta dapat buat persembahan seperti dulu lagi.
--	--	---

7.0 RALAT

Gangguan kucing

Gangguan bunyi berdesing

8.0 GLOSARI

A

Agama	Kepercayaan pada Tuhan dan sifat-sifat serta kekuasaan Tuhan dan penerimaan ajaran dan perintah-Nya, kepercayaan pada yang Maha Kuasa
Angkuh	Mempunyai sifat atau watak suka meninggi diri, congkak, sombong, pongah, tinggi hati
Anugerah	Pemberian berupa hadiah yang tinggi dan besar nilainya (daripada Allah, pemerintah atau negara, dll)
Antarabangsa	Antara atau di kalangan negara-negara, melibatkan dua atau lebih negara
Artis	Orang yang menghasilkan sesuatu karya seni
Artikel	Karangan dalam surat khabar, majalah, dan lain-lain
Arwah	Orang yang telah meninggal dunia

B

Bakat	Orang yang mempunyai kebolehan semula jadi
Barat	Eropah dan benua Amerika
Bergaul	Berkenalan, berbaik-baik, dan bercampur dgn orang lain, berkawan, bersahabat
Berlakon	Bermain atau berlagak, mengambil bahagian dlm sandiwara dan lain-lain
Berseloroh	Bergurau senda, berkelakar, ber-olok-olok
Bersedekah	Memberi sedekah (hadiah, derma)
Business	Perihal berniaga, perdagangan, urusan jual beli
Bola sepak	Permainan antara dua pasukan yg terdiri drpd 11 orang pemain, biasanya di padang segi empat bujur yg mempunyai tiang gol di kedua-dua hujungnya

C

Cabaran	Sesuatu unsur dan faktor yang mencabar (menguji kemampuan dan ketabahan seseorang atau sesuatu organisasi)
Campak	Buang, lempar
Cinta	perasaan atau berperasaan sangat sayang kpd (negara, orang tua, kebebasan, dll)
Covid	Penyakit berjangkit yang berpunca daripada virus corona yang baru ditemui
Cucu	keturunan peringkat kedua iaitu seperingkat selepas anak

D

Dana	Kumpulan wang utk sesuatu tujuan atau kegunaan
Director	Pengarah filem

E

Experience	Pengalaman yang dirasai seseorang
Experiment	Sesuatu kajian dijalankan

F

Filem	Cerita atau lakonan yang ditayangkan di pawagam
Funder	Pembiaya untuk sesuatu program dan lain-lain
Funk	Sejenis genre muzik

G

Generasi	Kumpulan individu yang lahir pada waktu yang lebih kurang sama
Glamor	daya tarikan yang menakjubkan

H

Harapan	Sesuatu atau seseorang yg diharapkan
Hiburan	Sesuatu perbuatan untuk menghiburkan hati
Hobi	Kegemaran yg diamalkan pd waktu lapang dan bukan pekerjaan yg utama (spt mengumpul setem, membaca, dll)

I

Ilmu	Pengetahuan tentang sesuatu perkara
Impian	Yang diimpikan, angan-angan, khayalan
Industri	Perusahaan yang mengeluarkan barangan atau bahan untuk keperluan perusahaan lain
Internet	Rangkaian komputer antarabangsa yg membolehkan pengguna komputer di seluruh dunia berhubung antara satu sama lain dan mencapai maklumat pangkalan data dr seluruh dunia

J

Join	Mengikuti sesuatu program dan lain-lain
Joget	Seseorang yang menari

K

Kerjaya	Perjalanan atau kemajuan seseorang di dalam kehidupan
Kerjasama	Kerja sama-sama atau saling membantu satu sama lain
Kenangan manis	Peristiwa yang mampu membawa kepada motivasi yang positif
Keterlaluan	Hal yang berlebih-lebihan, keadaan yang melampau, hal atau perbuatan yang melampaui batas
Kewangan	Segala sesuatu yang berkaitan dgn wang
Kutuk	Mengata seseorang
Kehidupan	Perihal hidup

L

Liku-liku Rintangan atau masalah yang dihadapi untuk menghasilkan/menempuh sesuatu

M

Media sosial Media yang digunakan oleh manusia kini melalui rangkaian internet

Melancong melawat sambil melihat-lihat (bersenang-senang)

Moden Masa kini dan sekarang

Motif sebab (tujuan) yg mendorongkan seseorang melakukan sesuatu atau bertinda

N

Nostalgia Kerinduan pada sesuatu yang pernah dialami pada masa lalu atau kenang-kenangan disertai keinginan terhadap sesuatu yang telah berlalu.

Nasihat Memberikan sesuatu nasihat atau sebagai tunjuk ajar

Neraka Alam akhirat tempat orang berdosa yang diseksa.

P

Popular Digemari atau disukai ramai

Pengalaman Apa yang telah dialami, dirasai, ditempuh.

Piring Hitam Rekod

Pelakon Orang yang melakonkan sesuatu watak di dalam sebuah cerita

Personaliti Keperibadian, perwatakan

Pengkaji Orang yang mengkaji sastera Melayu moden

Peristiwa Sesuatu hal yang berlaku yang menarik perhatian atau kejadian bersejarah

Pencetus Sesuatu yang mencetuskan idea

Persis Serupa benar lagaknya

Publisiti Perhatian orang ramai

R

Rezeki Segala sesuatu yang dikurniakan oleh Allah untuk keperluan rohani dan jasmani seperti makanan, ilmu, nyawa dan sebagainya.

Radio Pemancaran bunyi dan lain-lain menerusi udara

Rakaman Sesuatu yang dirakamkan

Review Mengulas sesuatu perkara bagi memudahkan perolehan maklumat

S

Surat Beranak Surat keterangan mengenai kelahiran

Stamina Daya tahan keupayaan untuk membolehkan seseorang itu bekerja kuat

Seni Kata Susunan kata-kata yang indah untuk lagu dan lain-lain

Syurga Alam akhirat di mana tempat roh manusia yang baik-baik dan banyak membuat pahal Ketika di dunia.

Sumbangan Sesuatu yang diberikan sebagai bantuan kepada keramain dan lain-lain.

Seniman Orang yan mempunyai bakat seni dan dapat mencipta hasil seni serta dapat memperagakan hasi seninya itu seperti pelukis, penyair, penyanyi dan lain-lain.

T

Teknologi Aktiviti atau kajian yang menggunakan pengetahuan sains untuk tujuan praktis dalam industri, pertanian, perubatan, perniagaan dan lain-lain.

Tokoh Orang yang kenamaan

U

Ustaz Guru agama lelaki

V

Vokalis Penyanyi, terutamanya yang biasa muncul bersama dengan
pancaragam jaz atau kumpulan

Veteran Orang yang telah banyak pengalamanya dalam sesuatu perkara

INDEX

A

Aktif, vi, 6, 8, 11, 26, 46, 55, 56, 65, 76, 77, 80
Aktiviti, 6, 23, 76
Album, vi, 6, 8, 28, 34, 35, 43, 45, 78
Alhamdulillah, 19, 20, 42, 43
Aliran, 24, 54, 65
Allah, 17, 19, 59, 63, 65
Anak, 6, 11, 21, 43, 46, 47, 48, 49, 54, 56, 60, 65, 75
Antarabangsa, 59, 65
Anugerah, 49, 50, 65, 81
Artis, 8, 12, 17, 18, 21, 26, 27, 28, 29, 30, 31, 36, 37, 38, 39, 40, 43, 45, 50, 52, 53, 57, 77, 78, 79
Arwah, 15, 20, 22
Awards, 49, 56

B

Baca, 29, 41, 65
Bahasa, 12, 29, 30, 65
Bakat, 17, 28, 59
Band, 11, 23, 28, 65
Bapa, 19, 20, 21, 54, 65, 75
Bekerja, 17, 18, 24, 25, 26, 29, 45, 54, 55, 63, 65
Belajar, 11, 22, 29, 30, 39, 45
Beliau, vi, viii, 6, 8, 11, 12, 54, 65
Berenang, 16
Bergabung, 6, 51, 53, 65
Bergiat, 6, 8, 11, 26, 55, 65, 77
Berjaya, 6, 8, 11, 43, 65
Bermain, 17, 25, 65
Bidang, vi, viii, 8, 11, 12, 14, 17, 26, 27, 28, 41, 43, 46, 47, 49, 51, 52, 53, 55, 56, 65, 77, 78, 79, 80, 81
Business, 59

C

Cabaran, vi, 32, 65
Campak, xv, 60

Campur, 30, 42, 65
Ceria, 19, 44, 54, 65
Cerita, 15, 27, 28, 38, 41, 62, 65
Cinta, 12, 34, 35, 65
Covid, 31, 39, 46, 48, 53, 57, 60, 65
Cucu, 65

D

Dilahirkan, 6, 15, 20, 26, 65, 75
Drama, 40, 55, 65, 79
Duit, 24, 25, 38, 40, 45, 65

E

English, 24, 29, 30, 37, 43, 54, 55, 65
Experience, 27, 43, 65

F

Faham, 9, 36, 37, 65
Filem, 12, 60, 65, 79
Funk, 19

G

Gembira, 19, 22, 36, 37, 38, 43, 44, 45, 46, 66
Glamour, 29, 66
Golongan, 12, 66

H

Halal, 44, 56
Harapan, 51, 52, 53, 56, 61, 66
Hasil, 14, 53, 63, 66, 83
Hati, 32, 36, 59, 61, 66
Hebat, 6, 11, 42, 45, 79
Hidup, viii, 8, 9, 14, 16, 18, 21, 23, 25, 35, 36, 37, 44, 48, 52, 61, 66, 75, 77, 79, 80
Hospital, 20, 66

I

Ilmu, 53, 63, 66
Impian, 8, 11, 12, 52, 66, 81

Industri, vi, 8, 9, 12, 26, 28, 29, 31, 32, 39,
42, 50, 51, 52, 53, 56, 63, 66, 77, 78, 79
International, 37

J

Jalan, 16, 20, 30, 45
Jarang, 12, 41, 66
Jemput, 66

K

Kampung, xv, 20, 22, 24, 28, 52, 66
Kandang, 20
Kapal layar, 18
Kasih, viii, 15, 32, 38, 53, 66
Kawan, 16, 19, 22, 23, 66, 76
Kecil, 15, 17, 20, 40, 66
Kelebihan, 17, 19, 40, 43, 75
Kerjasama, viii, 53, 66
Kerjaya, vi, 16, 26, 31, 34, 55, 66, 77
Kisah, viii, 11, 66

L

Lakonan, 8, 12, 40, 41, 46, 55, 60, 66, 79
Latar belakang, 14, 15
Lisan, 9, 14, 66, 82

M

Maaf, 29, 35, 37, 49, 52, 66
Majlis, 11, 27, 46, 52, 66
Mati, 37, 66
Media, 18, 66
Melancong, 44, 45, 46, 56, 66
Menyanyi, 11, 17, 30, 31, 44, 46, 53, 55,
66, 80
Mewakili, 20, 24

N

Nenek, 15, 16
Neraka, 36
Nyanyian, viii, 6, 8, 11, 12, 14, 17, 23, 26,
27, 32, 35, 36, 38, 42, 45, 46, 47, 49, 51,
53, 55, 56, 76, 77, 78, 80, 81

O

Orang tua, 15, 20, 24, 25, 60

P

Pahit, 24, 42, 44, 79, 80
Pelajaran, 22, 76
Pelaut, 18
Pelayar, 16, 18
Peminat, 6, 11, 36, 37, 42, 49, 53, 55, 56,
79
Pemuzik, 17, 24, 25, 26, 28, 29, 31, 37, 40,
44, 45, 55
Pengalaman, viii, 8, 9, 14, 24, 27, 30, 35,
38, 41, 42, 43, 44, 45, 53, 76, 79
Penyanyi, vi, 6, 8, 11, 12, 14, 15, 16, 17,
18, 26, 27, 29, 31, 32, 35, 37, 38, 39, 41,
42, 44, 45, 50, 52, 53, 54, 55, 56, 63, 75,
77, 78, 79, 80, 81
Perasaan, 42
Persembahan, 27, 32, 36, 37, 40, 42, 44,
46, 53, 57
Pertama, vi, 9, 12, 15, 21, 28, 34, 36, 43,
78
Popular, 11, 12, 18, 28, 29, 31
Populariti, 31

R

Radio, x, 28, 30, 47, 50, 63
Rakaman, 14, 17, 26, 34, 39, 45, 83
Rap, 19, 29
Rapat, 41, 79
Rezeki, 16, 17, 27, 31, 47, 80
Rock, xv, 12, 19, 27, 35

S

Sekolah, 16, 21, 22, 23, 24, 25, 26, 30, 54,
76
Seni, 6, 8, 9, 11, 12, 29, 30, 45, 46, 47, 59,
63, 76, 77, 80, 81
Seniman, 8, 11
Serong, 12, 35, 55
Singapura, 6, 11, 15, 20, 21, 24, 27, 28,
35, 40, 46, 47, 48, 49, 54, 55, 56
Sosial, 18, 23, 62
Sosial media, 23
Studio, 39, 40, 45

T

Takut, 36, 37
Target, 22
Teknologi, 39, 40, 79
Temubual, vi, viii, 11, 14, 83
Tenang, 37
Terfikir, 17, 75
Terjejas, 31
Terkejut, 42
Terlintas, 17
Tokoh, iv, viii, 8, 11, 12, 63, 82, 83

U

Uji bakat, 38
Umum, 11
Umur, 11, 16, 21, 26, 27, 42, 43, 54, 75

Ustaz, 16

V

Viral, 18
Vokalis, vi, 11, 14, 34, 53

W

Waktu, 6, 15, 17, 21, 22, 23, 27, 28, 34,
37, 38, 40, 41, 43, 44, 45, 46, 48, 60, 61,
75, 78
Wujud, 16

Z

Zaman, 9, 11, 16, 18, 20, 22, 23, 24, 27,
28, 29, 30, 31, 35, 38, 39, 40, 43, 44, 45,
46, 48, 51, 52, 55, 77

10.0 BIBLIOGRAFI

Agost, N. (2019, December 23). '*Atom Ant*' *terperan-Jatt menang tempat ke-3 dalam Gegar Vaganza 6*. Berita Mediacorp. Retrieved February 9, 2022, from <https://berita.mediacorp.sg/hiburan/atom-ant-terperan-jatt-menang-tempat-ke-3-dalam-gegar-vaganza-6-136826>

Carian Umum. (n.d.). Dewan Bahasa dan Pustakan. Retrieved February 22, 2022, from <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=kamus%20online>

Enam peserta termasuk Hady, Jatt ke peringkat akhir Gegar Vaganza 6. (2022, January 23). BeritaHarian. Retrieved February 9, 2022, from <https://www.beritaharian.sg/gah/enam-peserta-termasuk-hady-jatt-ke-peringkat-akhir-gegar-vaganza-6>

Gempak. (2019, December 18). "*Bekalan Nanas Tak Pernah Putus!*" - *Patutlah Power! Jatt Ali Amal Makan Nanas Setiap Hari Untuk . . .* gempak.com. Retrieved February 9, 2022, from <https://gempak.com/berita-terkini/bekalan-nanas-tak-pernah-putus-patutlah-power-jatt-ali-amal-makan-nanas-setiap-hari-untuk-30147>

Gp, M. (2019, October 16). *Biodata Jatt Ali, Peserta Gegar Vaganza 6 (GV6) 2019*. iluminasi. Retrieved February 9, 2022, from <https://iluminasi.com/bm/biodata-jatt-ali-peserta-gegar-vaganza-6-2019.html>

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2017). Angkuh. Dewan Bahasa dan Pustaka. Retrieved from <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=Angkuh>

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2017). Bergaul. Dewan Bahasa dan Pustaka. Retrieved from <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=Bergaul>

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2017). Cinta. Dewan Bahasa dan Pustaka. Retrieved from <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=Cinta>

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2017). Dana. Dewan Bahasa dan Pustaka. Retrieved from <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=Dana>

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2017). Experience. Dewan Bahasa dan Pustaka. Retrieved from <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=Experience>

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2017). Filem. Dewan Bahasa dan Pustaka. Retrieved from <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=Filem>

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2017). Generasi. Dewan Bahasa dan Pustaka. Retrieved from <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=Generasi>

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2017). Harapan. Dewan Bahasa dan Pustaka. Retrieved from <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=Harapan>

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2017). Internet. Dewan Bahasa dan Pustaka. Retrieved from <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=Internet>

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2017). Joget. Dewan Bahasa dan Pustaka. Retrieved from <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=Joget>

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2017). Liku-liku. Dewan Bahasa dan Pustaka. Retrieved from <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=Liku-liku>

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2017). Melancong. Dewan Bahasa dan Pustaka. Retrieved from <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=Melancong>

Sejarah Lisan dan Kepentingannya. (2019, November 7). PERMAS UPSI. Retrieved February 22, 2022, from <https://permasupsi.wixsite.com/permasupsi/post/sejarah-lisan-dan-kepentingannya>

SEJARAH LISAN. (n.d.). Sejarah Lisan. Retrieved February 22, 2022, from <http://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/sejarahlisan.html>

LAMPIRAN

11.1 SURAT PERJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Tahir Bin Ali

Saya K/P: pada
7 Januari 2022.....dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan
di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

.....
(Nama tokoh Tahir Bin Ali)
Tarikh: 7/1/2022

.....
(Nama pensyarah: Nurulannisa Binti Abdullah)
b.p.Dekan
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA

Rajah 1: Surat perjanjian sejarah lisan bersama tokoh

11.2 SENARAI SOALAN

Soalan Orientasi

a) DIRI SENDIRI

1. Siapakah nama sebenar Encik Jatt?
2. Bila Encik Tahir dilahirkan?
3. Dimanakah Encik Tahir dilahirkan?
4. Dimanakah Encik Tahir dibesarkan?
5. Bagaimanakah Encik Tahir mendapatkan nama gelaran sebagai Jatt?
6. Apakah cita-cita Encik Tahir sebelum bergelar penyanyi?
7. Apakah hobi Encik Tahir jika mempunyai waktu yang terluang?
8. Apakah bakat atau kelebihan yang ada pada Encik?
9. Sewaktu Encik muda-muda dulu, Encik pernah terfikir tak yang Encik akan jadi seorang penyanyi?
10. Adakah menjadi penyanyi ini merupakan salah satu pekerjaan yang Encik ingin-inginkan? Jika bukan, apakah pekerjaan yang Encik ingin-inginkan dalam hidup Encik?
11. Bolehkah Encik senaraikan beberapa lagu kegemaran Encik?
12. Apakah yang paling Encik suka atau kagumi yang ada dalam diri Encik?

b) KELUARGA

1. Siapa nama ibubapa Encik Tahir?
2. Bilakah tahun kelahiran ibu bapa Encik?
3. Dimanakah mereka dilahirkan?
4. Apakah pekerjaan ibubapa Encik Tahir?
5. Adakah Encik mempunyai adik beradik? Jika ada berapakah bilangan?
6. Berapakah lelaki dan berapakah perempuan?
7. Berapakah umur mereka?
8. Pada tahun berapakah Encik Tahir mendirikan rumah tangga?
9. Adakah Encik Tahir mempunyai anak? Jika ada, boleh kami tahu berapa orang dan berapakah umur mereka sekarang?

c) PENDIDIKAN

➤ **SEKOLAH RENDAH**

1. Dimanakah Encik Tahir bersekolah rendah?
2. Apakah subjek yang paling Encik Tahir minat sewaktu sekolah menengah dulu?
3. Siapakah guru kegemaran Encik Tahir?
4. Adakah Encik Tahir masih berhubung dengan rakan-rakan sekolah rendah dahulu?
5. Jika Encik Tahir masih ingat, siapakah kawan baik Encik Tahir di sekolah rendah?
6. Apakah Encik Tahir pernah menyertai apa-apa aktiviti yang melibatkan seni muzik atau nyanyian sewaktu di sekolah rendah dulu?
7. Adakah Encik Tahir ada memegang apa-apa jawatan semasa sekolah rendah?
8. Apakah pengalaman yang masih segar dalam ingatan Encik Tahir semasa berada di sekolah rendah dahulu?

➤ **SEKOLAH MENENGAH**

1. Apakah nama sekolah menengah encik tahir dan dimanakah lokasi sekolah itu berada?
2. Adakah Encik Tahir ada memegang apa-apa jawatan semasa sekolah rendah?
3. Adakah Encik Tahir seorang yang aktif dalam aktiviti-aktiviti bersukan sewaktu sekolah dahulu? Jika ada
4. Sukan yang Encik Tahir pernah sertai?
5. Encik Tahir pernah menjadi wakil sekolah, negeri atau negara?
6. Adakah Encik Tahir ada menyambung pelajaran selepas dari sekolah menengah?

Soalan Biasa

a) PILIHAN KERJAYA

1. Tahun berapa Encik Tahir mula bergiat aktif sebagai seorang penyanyi?
2. Bagaimana Encik Tahir boleh terlibat dalam bidang nyanyian ni?
3. Siapa yang bertanggungjawab membawa diri Encik Tahir dalam industri nyanyian ini?
4. Sudah berapa lama Encik Tahir terlibat dalam industri nyanyian ini?
5. Apakah yang membuatkan Encik Tahir lebih yakin untuk berada dalam industri nyanyian ini?
6. Siapakah yang banyak memberi inspirasi kepada Encik Tahir sepanjang berada dalam industri nyanyian?
7. Salah satu kumpulan nyanyian Encik Tahir yang pernah terkenal dulu ialah kumpulan black dog bone, bolehkah Encik Tahir ceritakan mengenai penubuhan kumpulan black dog bone ini?

b) PENDAPAT/ PERSEPSI

1. Sebelum Encik Tahir terlibat dalam bidang nyanyian, apakah tanggapan Encik Tahir terhadap industri ni?
2. Pada pandangan Encik Tahir apakah persediaan yang perlu dilakukan sebelum seseorang itu menceburkan diri dalam industri seni ini?
3. Apakah pandangan Encik Tahir terhadap industri muzik di Malaysia pada zaman kini terutama muzik-muzik yang berunsur rockers. Adakah ianya lebih baik dari tahun-tahun dulu atau ianya kurang mendapat sambutan?
4. Apakah komen Encik Tahir terhadap lagu- lagu lama yang dinyanyikan oleh artis-artis terdahulu yang kini diberi nafas baru oleh penyanyi- penyanyi muda zaman kini?
5. Pada pendapat Encik Tahir, apakah kesan covid-19 kepada artis-artis termasuklah artis veteran?
6. Pada pandangan Encik Tahir, adakah kita patut menjadikan kerjaya sebagai seorang artis ni sebagai satu kerjaya tetap dalam hidup kita?
7. Sepanjang Encik Tahir berada dalam bidang nyanyian, apakah perkara yang Encik Tahir rasa paling mencabar dari segi mental dan fizikal?

Soalan Khusus

a) PENGALAMAN AWAL

➤ NYANYIAN

1. Apakah lagu pertama yang dikeluarkan oleh Encik Tahir atau yang dikeluarkan oleh kumpulan Encik?
2. Bolehkah Encik Tahir berkongsi dengan kami, lagu pertama yang dikeluarkan itu menceritakan tentang apa ya?
3. Siapakah penulis dan composer untuk lagu pertama kumpulan Black Dog Bone?
4. Berapa banyakkah album yang telah dikeluarkan oleh kumpulan black dog bone?
5. Semasa berada dalam kumpulan ini, apakah role Encik Tahir?
6. Bagaimana penerimaan masyarakat pada masa itu terhadap nyanyian rockers ini?
7. Ketika Encik Tahir masih baru dalam bidang nyanyian, apakah yang Encik Tahir rasakan apabila pertama kalinya berdiri di atas pentas dan ditonton oleh ramai orang? Bagaimana Encik Tahir mengawal perasaan tersebut?
8. Pernah tak Encik mengalami masalah semasa berada di atas pentas di acara yang penting? Apa yang Encik lakukan pada waktu itu?
9. Sepanjang Encik Tahir berada dalam industri nyanyian ini, apakah yang Encik Tahir rasa paling mencabar dari segi mental dan fizikal?
10. Adakah Encik Tahir pernah terlibat dalam penulisan lirik lagu-lagu Encik atau penyanyi lain?
11. Jika diberikan peluang berkolaborasi, siapakah artis yang Encik Tahir ingin kolaborasi bersama?
12. Bolehkah kami tahu, berapa bayaran yang Encik Tahir terima ketika itu?

b) UJIBAKAT

1. Sebelum Encik Tahir digelar seorang penyanyi, adakah Encik Tahir ada terlibat dengan sesi ujibakat?
2. Adakah penubuhan kumpulan Black Dog Bone ini melibatkan sesi ujibakat juga?

c) PERBEZAAN

1. Pada pandangan Encik Tahir apakah perbezaan artis dulu dan sekarang? Dan kenapa Encik Tahir berkata begitu?
2. Dari segi sambutan, adakah Encik Tahir rasa sambutan untuk nanyian rockers ni masih menjulang tinggi seperti dulu? Apakah sebab perkara itu berlaku?
3. Adakah Encik Tahir rasa teknologi telah memberi kesan kepada industri muzik pada masa kini? Kenapa?
4. Adakah ada perbezaan yang besar mengenai bayaran dulu dan sekarang?

d) DRAMA-DRAMA LAKONAN

1. Adakah Encik Tahir pernah berlakon?
2. Apakah tajuk filem/drama yang pernah dilakonkan?
3. Siapakah orang yang membawa Encik Tahir dalam menceburi bidang lakonan?
4. Siapa antara pelakon yang rapat dengan Encik Tahir?

e) PENGALAMAN

1. Sudikah Encik Tahir berkongsi dengan kami hidup Encik Tahir sebelum Encik bergelar sebagai seorang penyanyi?
2. Bagaimana pula pengalaman Encik Tahir dengan peminat? Adakah ada pengalaman pahit dan manis Bersama mereka?
3. Sepanjang berada dalam industri nanyian, pernah ke Encik Tahir bergandingan dengan penyanyi-penyanyi yang sama hebat dengan Encik Tahir? Jika pernah, boleh kah Encik Tahir berkongsi dengan kami pengalaman Encik Tahir sewaktu itu, dan berkongsi pengalaman dapat bergandingan dengan orang-orang hebat?
4. Boleh ke Encik Tahir ceritakan pengalaman sepanjang menyertai Gegar Vaganza?

f) KENANGAN PAHIT

1. Apakah liku-liku kehidupan Encik Tahir yang Encik Tahir tidak dapat lupakan sehingga kini?
2. Apakah kenangan pahit bersama penyanyi-penyanyi yang Encik Tahir pernah bekerjasama?

g) KENANGAN MANIS

1. Apa kenangan manis yang berlaku dalam hidup Encik Tahir yang masih segar dalam ingatan Encik Tahir sehingga sekarang?
2. Apakah kenangan manis yang Encik Tahir tak dapat lupakan semasa Encik Tahir bergelar seorang remaja?
3. Apakah kenangan manis bersama penyanyi-penyanyi yang Encik Tahir pernah bekerjasama?
4. Apakah kenangan manis bersama ahli-ahli kumpulan yang Encik Tahir pernah bergerakerja?

h) PERKEMBANGAN

1. Apakah perkembangan Encik Tahir sekarang? Adakah Encik Tahir masih aktif dalam bidang nyanyian?
2. Selain menyanyi, adakah Encik Tahir ada melibatkan diri dalam apa-apa jenis rancangan televisyen lain?

i) KERJAYA LAIN

1. Selain terlibat dengan nanyian, apakah sumber rezeki Encik Tahir yang bukan melibatkan seni? Adakah Encik Tahir melakukan sesuatu bisnes misalnya?
Jika ada
2. Bagaimanakah tercetusnya idea untuk melakukan perniagaan tersebut?
3. Sejauh manakah perniagaan tersebut membantu Encik Tahir dalam kehidupan?
4. Apakah kesan yang melanda perniagaan Encik Tahir sepanjang pandemic covid-19 yang melanda Malaysia pada masa kini?
5. Apakah yang dilakukan Encik Tahir untuk menaikkan perniagaan Encik Tahir pada musim pandemic covid-19?

j) ANUGERAH/PENGIKTIRAFAN

1. Apakah anugerah yang pernah Encik Tahir perolehi sepanjang berada dalam bidang nyanyian?
2. Gelaran –
 - i. Apakah nama gelaran Encik Tahir sepanjang menjadi penyanyi?
 - ii. Siapakah yang menganugeraahkan gelaran tersebut kepada Encik Tahir?
 - iii. Pada tahun bilakah Encik Tahir terkenal dengan nama gelaran tersebut?
 - iv. Bolehkah Encik Tahir menceritakan bagaimanakah terjadinya nama gelaran tersebut? Apakah puncanya?
3. Adakah sepanjang menjadi penyanyi, Encik Tahir pernah menerima sebarang pengiktirafan?

k) SUMBANGAN

1. Sepanjang menjadi penyanyi di industry Malaysia, apakah sumbangan yang telah diberi kepada industry seni?
2. Apakah Encik Tahir pernah melibatkan diri dalam penulisan lagu-lagu untuk penyanyi lain?
3. Adakah Encik Tahir antara salah seorang komposer untuk lagu-lagu yang dipersembahkan penyanyi lain?
4. Apakah sumbangan Encik Tahir kepada masyarakat?
5. Adakah Encik Tahir pernah melibatkan diri dalam sebarang program kemasyarakatan?

l) HARAPAN

1. Apakah harapan Encik Tahir dalam industry muzik Malaysia pada hari ini?
2. Apakah ada sebarang perancangan oleh Encik Tahir dalam bidang nyanyian pada masa hadapan?
3. Apakah ada sesuatu impian Encik Tahir yang belum tercapai sepanjang menjadi penyanyi?
4. Apakah harapan Encik Tahir kepada masyarakat tentang bidang muzik ini?
5. Apakah harapan Encik Tahir terhadap industry muzik ketika pandemic covid-19 ini?


11.3 DIARI PENYELIDIKAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
9.05 pagi – 9.39 pagi	18/10/2021 (Selasa)	Mendapat Tugas: Diberikan tugas oleh Pensyarah berkenaan tugas sejarah lisan. Kami dikehendaki untuk mencari seorang Tokoh Seniman Veteran di sekitar Pantai Timur atau Tokoh Seniman Veteran di sekitar Malaysia. Kami juga diberikan langkah-langkah yang perlu dibuat untuk menyelesaikan tugas ini.	Membuat catatan mengenai tugas yang diberikan.
10.00 pagi- 5.00 petang	25/10/2021 (Isnin)	Pencarian Tokoh: Kami melakukan beberapa kajian menggunakan Google, Instagram, Facebook, Twitter bagi mendapatkan tokoh yang bersesuaian dengan tugas kami	Kami berbincang dan telah memilih Tokoh yang sesuai dengan kriteria tugas yang diberikan dan juga bersetuju untuk berhubung dengan Tokoh tersebut.


9.02 pagi- 1.00 petang	29/10/2021 (Jumaat)	Menghantar pesanan melalui Instagram kepada Tokoh yang dipilih untuk mendapatkan persetujuan daripada mereka untuk terlibat dalam tugas kami ini.	Catatan awal dilakukan untuk proses seterusnya.
2.13 petang – 6.25 petang	20/11/2021 (Sabtu)	Berbincang mengenai platform Temubual: Kami berbincang mengenai platform atas talian apakah yang akan digunakan untuk membuat sesi temubual Bersama tokoh. Samaada aplikasi Zoom Meeting atau Google Meet.	Mencuba dan juga membuat perbandingan untuk setiap aplikasi ‘Online meeting’ yang paling mudah dan sesuai digunakan bersama Tokoh Seniman Veteran anti
4.19 petang – 8.16 malam	13/12/2021 (Isnin)	Mengatur Temujanji Bersama Tokoh: Kami telah mencadangkan satu Tarikh iaitu 7/01/2022 (Jumaat) dan meminta persetujuan daripada tokoh mengenai tarikh tersebut.	Catatan awal dilakukan untuk proses penyediaan soalan kepada Tokoh Seniman Veteran.
9.00 malam – 11.00 malam	7/01/2022 (Jumaat)	Temubual Bersama Tokoh: Temubual Bersama tokoh telah diadakan pada Tarikh 7/01/2022 (Jumaat) Dan pada pukul 9:00 malam hingga 11:00 malam dengan menggunakan aplikasi Google Meet	Menerangkan semula motif dan agenda untuk rakaman ini pada Tokoh yang bakal ditemu ramah. Temuramah bermula dan berakhir dengan baik.

10.00 pagi – 10.00 malam	21/01/2022 (Jumaat)	Membuat persediaan Transkrip	Mendengar semula rakaman video dan audio hasil daripada rakaman temubual.
9.00 pagi – 10.00 malam	04/ 01/2022 (Jumaat)	Membuat penyuntingan Transkrip	Memperbaiki setiap ejaan dan meneliti semula transkrip yang telah dibuat mestilah mengikuti segala garis panduan yang telah diberikan dan memeriksa jika ada sebarang kesalahan.
10.00 malam	10/02/2022 (Khamis)	Menghantar persediaan Transkrip	Menghantar melalui Google Classroom
10.00 malam	24/02/2022 (Khamis)	Menghantar Transkrip lengkap	Menghantar dokumen soft copy Transkrip di Google Classrom dan menghantar hard copy Transkrip kepada Madam Annisa

11.4 GAMBAR, SIJIL -SIJIL DAN BAHAN BERKENAAN



Rajah 2: Perbualan diantara Encik Tahir Ali melalui Instagram mengenai kesudian beliau untuk ditemuduga oleh kami




Rajah 3: Perbualan diantara Encik Tahir untuk mendapatkan kepastian mengenai temuduga yang akan dijalankan nanti.




Rajah 4: Perbualan mengenai menetapkan tarikh temuduga yang akan dijalankan



Rajah 5: Perbualan di *WhatsApp* mengenai link Google Meet sewaktu temuduga bakal dijalankan



Rajah 6: Tangkapan skrin sewaktu temubual dimulakan menggunakan platform Google Meet.



Rajah 7: Tangkapan skrin sewaktu Encik Tahir Ali seronok berkongsi cerita hidup beliau bersama kami.



Rajah 8: Bukti Encik Tahir Ali merupakan seorang stokis susu Farm Fresh



Rajah 9: Encik Tahir Ali mendapat tempat ketiga sewaktu menyertai rancangan Gegar Vaganza



Rajah 10: Encik Tahir Ali bersama ahli kumpulannya iaitu Black Dog Bone sewaktu ketika dahulu.